

Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2018 | BL.25



FLOTILLA

tuntut jati diri tinggi

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Ahmad
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-Undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan

Pn. Rohani Othman
Ketua Pustakawan

Sidang Pengarang

Prof. Dr. Noor Aini Mohd Yusoff
Penerbit UniSZA

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Antarabangsa

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Roslida Abdul Razak
Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Teknologi Maklumat

Pn. Norizan Mohammad
Penerbit UniSZA

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Senarai Nama Penyumbang

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
2. Pejabat Pendaftar
3. Perpustakaan UniSZA
4. Pusat Antarabangsa
5. Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran
6. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
7. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
8. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
9. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
10. Fakulti Reka Bentuk, Inovatif dan Teknologi
11. Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
12. Fakulti Sains Sosial Gunaan
13. Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
14. Penerbit UniSZA
15. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
16. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
17. Bahagian Pengurusan Akademik
18. Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat
19. Kolej Kediaman UniSZA
20. Pusat Islam UniSZA
21. Pusat Sukan dan Rekreasi
22. Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid, PNC P4P
23. Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh, FKI
24. Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, FUPL
25. Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh, FUHA
26. Dr. Siti Mariam Zainal Ariffin, FBIM
27. Dr. Saiful Iskandar Khalit, FBIM
28. En. Mohd Shahrizal Nasir, FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2018
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	8
Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat	11
Tokoh	24
Rencana	31
Pencapaian	41
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	48
Sukan dan Ko-Kurikulum	64
Terbitan UniSZA	66

Flotilla Tuntut Jati Diri Tinggi

Apakah yang YBr. Dr. dapat kongsi bersama misi *Freedom Flotilla Coalition* ini?

Freedom Flotilla Coalition (FFC) dahulunya dikenali dengan nama *Freedom Flotilla* bertukar kepada FFC apabila telah mendapat banyak penyertaan NGO di seluruh dunia. Sebanyak 16 buah negara yang menyertai FFC dan di Malaysia hanya MyCARE sahaja yang terlibat. Sejak tahun 2008 lagi, FFC mengambil inisiatif untuk memecahkan sekatan kezaliman Israel. Gaza hampir lumpuh sama sekali kerana berlaku sekatan melalui laut, udara dan darat. Jalan laut merupakan laluan efektif untuk penghantaran barang dan apabila jalan tersebut disekat Gaza menjadi lumpuh. Terdapat hanya satu pintu masuk sahaja untuk ke Gaza iaitu melalui Rafah, Mesir. Justeru, FFC terbentuk untuk memecahkan sekatan tersebut. Sejak misi ini dilaksanakan, Gaza telah berjaya dimasuki sebanyak lima kali. Namun, pada tahun 2010 bermula sekatan oleh Israel dengan penahanan kapal Mavi Marmara yang mengakibatkan sepuluh orang terbunuh dan ramai yang tercedera. Selepas kejadian itu, FFC tetap meneruskan usaha untuk memecahkan sekatan tersebut. FFC telah melancarkan misi sebanyak 17 kali dengan kapal sebanyak 33 buah dan hanya lima kapal sahaja yang berjaya masuk ke Gaza. Misi FFC juga, adalah untuk sedaya upaya cuba menghampiri tempat yang paling hampir dengan Gaza sehinggalah mencecah pantai Gaza. Jarak yang paling hampir pernah dicecah ialah 35 batu nautika dan biasanya 40 batu nautika sahaja. Sebenarnya misi FFC semakin hari semakin dekat untuk memasuki Gaza. Selain memecahkan sekatan zalim Israel ini, FFC juga hendak menonjolkan kepada dunia bahawa sememangnya sekatan tersebut berlaku ke atas Gaza dan Israel tidak pernah memberi laluan. Jika tidak melakukan misi ini, dunia tidak akan tahu kezaliman Israel. FFC juga, cuba memberi kesedaran kepada dunia bahawa kezaliman Israel tidak pernah putus. Selain itu, menghantar keperluan semasa yang diperlukan oleh Gaza juga merupakan misi FFC, contoh sekarang ini, Gaza memerlukan ubat-ubatan kerana ramai yang ditembak di sempadan Gaza-Israel.



Apakah sumber inspirasi YBr. Dr. dalam menjayakan misi ini dan bagaimanakah atau bilakah timbulnya cetusan idea untuk menjayakan misi ini?

Sumber inspirasi dalam menjayakan misi ini adalah hasil semasa zaman belajar lagi. Saya telah lama aktif dalam bantuan kemanusiaan. Pada tahun 2007, semasa saya menyambung pengajian di United Kingdom, saya semakin terdedah dengan aktiviti kemanusiaan antarabangsa. Saya menyertai kumpulan aktivis Palestin di Darum dan kebanyakan orang Kristian yang menyertai NGO di sini. Isu ini bukan hanya isu orang Islam sahaja tetapi isu kemanusiaan. Saya juga telah banyak kali menyertai demonstrasi di London. Ini membolehkan saya nampak minat saya. Ia juga berkaitan dengan bidang saya iaitu hubungan antarabangsa. Selepas saya balik ke Malaysia pada tahun 2010 saya semakin aktif.



Sebagai salah seorang Aktivis Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) yang mewakili negara ke Palestin, apakah objekif utama misi *Right to a Just Future*

for Palestine ini diadakan?

Kita hendak memecahkan sekatan kezaliman ke atas Palestin dan ingin memaparkan kepada dunia bahawa rakyat Palestin berhak untuk mendapatkan kehidupan yang adil dan sama seperti manusia yang lain. Palestin dan Gaza merupakan negara yang dijajah sebegini rupa dalam dunia yang moden pada hari ini. Wujudnya media massa dan media sosial menampakkan lagi kezaliman Israel.

Bolehkah YBrs. Dr. menjelaskan apakah sebenarnya MyCARE dan persatuan ini mendapat sokongan dari sudut sosial dan ekonomi daripada siapa?

MyCARE dahulunya dinamakan sebagai Aqsa Syarif yang fokus kepada Palestin sahaja. Pada tahun 2012, ia telah bertukar nama kepada MyCARE kerana ruang lebih besar untuk aktiviti kemanusiaan di peringkat antarabangsa seperti adanya Syria Care dan Nusantara Care. MyCARE sebenarnya banyak mendapat sokongan daripada rakyat tempatan melalui derma daripada orang ramai. Pada tahun 2012 sehingga 2017 MyCARE telah memperoleh sumbangan hampir seratus juta ringgit daripada rakyat Malaysia dan disalurkan ke seluruh dunia. Dari sudut sosial pula, orang Malaysia terutamanya orang Melayu begitu pemurah khasnya dalam bulan puasa. Jadi, tidak sukar untuk mendapatkan sumbangan terutamanya untuk isu Palestin. Namun, kita perlukan lebih banyak lagi sumbangan kerana Gaza dan Palestin memerlukan sumbangan yang lebih besar untuk mereka meneruskan kehidupan.

Bagaimanakah misi MyCARE ini boleh disertai oleh masyarakat Malaysia dan apakah kriteria keahlian untuk menyertainya?

Sesiapa sahaja boleh menjadi ahli MyCARE tetapi kita mulakan dengan peringkat sukarelawan dahulu. Apabila sukarelawan tersebut sudah aktif dan komited kita akan serap menjadi aktivis serta akan berada dalam ahli jawatankuasa.

Berapa lamakah YBrs. Dr. menyertai MyCARE dan adakah ini kali pertama YBrs. Dr. menyertai misi seperti ini atau sebaliknya?

Saya menyertai MyCARE sejak tahun 2010 lagi. Pada tahun 2011, misalnya saya sudah menyertai *Global March to Jerusalem*. Kami bergerak dari Jordan hingga ke sempadan Israel dan hampir ditangkap. Saya sudah ke Gaza sebanyak tiga kali bermula dari tahun 2012 sehingga 2013. Selain Gaza, saya juga telah pergi ke Sudan, Syria, Lubnan, dan Jordan iaitu tempat yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Rantau Asia pula, misalnya saya pergi ke Indonesia, Kemboja, Thailand, dan Filipina. Semua ini dilakukan atas dasar minat membantu sesama manusia. MyCARE bukan merupakan satu-satunya platform penglibatan saya bagi misi kemanusiaan. Saya juga melibatkan diri dalam misi Korban Kemboja dan Vietnam melalui alumni sekolah. Hampir setiap tahun saya akan menyertai misi kemanusiaan.



Apakah pandangan YBrs. Dr. mengenai konflik Israel-Palestin?

Konflik Israel merupakan satu bentuk penjajahan yang zalim ke atas Palestin dan kita perlu membantu untuk membebaskan Palestin dengan kapasiti yang kita ada. Saya sebagai individu yang terlibat dalam NGO menggunakan platform itu untuk menjayakan tujuan tersebut. Jadi, kita jangan lihat bantuan kita ini kecil tetapi sebenarnya ia memberi peranan yang besar kerana negara yang dijajah ini melihat semua bantuan itu dan amat bererti buat mereka. Manakala dari sudut negara, kita perlu memberi tekanan kepada pihak Israel. Sebagai contoh, negara Ireland merupakan negara pertama yang melakukan boikot terhadap Israel. Selain itu, kita juga ada NGO iaitu MyCARE yang memulakan gerakan *divestment extension* di Malaysia. Ia agak berjaya apabila banyak syarikat yang dahulunya pro kepada Israel mula kendur dan berasa tertekan apabila terdapat beberapa program memboikot barangan ke atas mana-mana syarikat yang menyokong Israel. Ini merupakan antara alternatif yang dilakukan. Melalui negara-negara tertentu, mereka perlu dibantu dengan menggunakan dasar luar untuk mengutuk Israel dan apa juga cara untuk menyekat Israel daripada terus menzalimi masyarakat Palestin secara berterusan. Malaysia antara negara yang paling konsisten menyokong perjuangan Palestin berbanding negara-negara Islam yang lain.

Sebelum detik-detik cemas penawanan kapal al-Awda, adakah terdapat tanda-tanda penahanan kapal akan dilakukan oleh Zionis?

Sebelum melakukan misi ini kami sudah tahu berkenaan corak cabaran ke sana. Apabila pergi dan masuk ke perairan 100 batu nautika ke Gaza, kebiasaannya penangkapan akan berlaku. Tetapi kemungkinan untuk tidak ditangkap juga ada. Seperti mana lima buah kapal sebelum ini yang berjaya masuk tanpa halangan. Jadi kita telah didedah dan dilatih

sekiranya berlaku serangan, tangkapan atau sebagainya. Sebenarnya kita sudah dimaklumkan secara awal, kemungkinan untuk ditangkap itu ada. Kita sudah bersedia dan dilatih sekiranya berlaku perkara tersebut. Cuma di tempat mana akan ditangkap, kekerasan yang dilakukan dan cara bagaimana ditangkap itu kita tidak tahu. Mereka mungkin boleh menembak seperti Mavi Marwara, mereka juga boleh ditangkap dan diletakkan dalam penjara selama enam bulan ataupun paling cepat 24 jam sahaja. Ada juga yang ditangkap dan dipenjarakan, kemudian dihantar pulang ke Negara masing-masing dalam dua tiga jam sahaja. Tahanan yang paling lama di peringkat antarabangsa setakat ini adalah selama empat minggu. Namun, jika rakyat Palestin sendiri, mereka berkemungkinan akan ditahan lebih lama. Selain itu, ada yang cedera seperti patah anggota badan ketika ditahan tentera dan ada juga mangsa tahanan yang meninggal dunia. Jadi ini semua kemungkinan yang telah dimaklumkan lebih awal yang memerlukan kita membuat persediaan mental. Bila kita sudah memasuki 100 batu nautikal atau dikenali sebagai kawasan *red line*, kita sebenarnya sudah bersedia dan berjaga-jaga. Manakala pada jarak 49 batu nautika, kapten sudah memaklumkan untuk bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Dalam kapal tersebut kru yang mengawasi kapal dengan menggunakan teropong memaklumkan ada sebuah kapal besar yang sedang memerhati kami dari jauh dan kita sudah tahu sedang diekori dari jarak 49 batu nautika. Pada jarak 42 batu nautika, kami mula dihimpit dan dikepung oleh tentera Israel dengan 12 buah kapal perang. Kapal-kapal tersebut terdiri daripada tiga kapal besar, empat kapal peronda dan lima buah bot laju yang dipanggil Zodiac yang mempunyai kelengkapan senjata seperti *machine gun*. Pada jarak 42 batu nautika secara sepenuhnya kami ditawan.

Bolehkah YBrs. Dr. ceritakan detik-detik cemas penawanan kapal al-Awda dan apakah tindakan yang dilakukan ketika berhadapan dengan tentera Israel?

Pada permulaan ditawan, hanya zikir saya perbanyakkan untuk keselamatan diri kerana antara kita ini tidak mampu untuk melawan. Tentera Israel tersebut lengkap dengan pakaian dan alatan peperangan ketika menawan kapal kami. Mereka sebenarnya tahu bahawa kedatangan kami adalah dengan misi keamanan dan kami sememangnya tidak melawan mereka. Cuma ada sedikit pergelutan bagi yang hendak mempertahankan kapal daripada cepat ditawan. Tetapi saya tidak terlibat dengan situasi tersebut kerana kita telah diberi fungsi masing-masing sekiranya ditawan. Alhamdulillah, saya tidak dikasari. Sebenarnya kita lebih takut jika berlaku histeria atau panik dalam kalangan ahli misi atau tentera Israel. Sebagai contoh, jika tiba-tiba kapal berbunyi seolah-olah enjin meletup. Mereka berkemungkinan menganggap bunyi tersebut adalah bom. Ataupun jika peserta kita secara tiba-tiba histeria, kelim kabut atau panik seperti menerkam tentera atau melompat terjun ke laut, itu akan lebih memburukkan keadaan kerana bimbang pihak tentera akan menembak atau bertindak di luar kawalan. Pada permulaan tawanan, ada beberapa ahli misi yang terkena senjata renjatan elektrik dan dipukul. Ada juga ahli misi yang diikat, namun alhamdulillah saya tidak mengalami situasi tersebut. Saya hanya diminta duduk dan diam. Kami memang berniat untuk menyerah diri kepada tentera Israel. Semua anggota badan diperiksa dan semua barangan yang ada pada kami dirampas.

Ketika ditawan di penjara Givon, Israel, apakah tindakan kekerasan yang telah dilakukan oleh puak Israel dan bagaimanakah rundingan pembebasan dibuat?

Kekerasan di penjara tidak ada. Cuma ia lebih kepada kekerasan ketika hendak dimasukkan ke penjara. Kita dijerak dan diminta untuk menanggalkan baju tetapi tidaklah sehingga kami dipukul. Kita hanya mengikut segala arahan dari pihak mereka. Apabila dipenjarakan, sememangnya tidak lena tidur pada malam pertama. Tentera Israel kerap masuk ke tempat tahanan untuk mengawal pergerakan kita. Pada keesokannya setiap orang dipanggil. Saya sendiri dipanggil tiga kali untuk disoal siasat. Rakaman di *Youtube* itu sebenarnya rakaman yang dibuat oleh pihak misi sebelum berlepas ke sana. Semua ahli misi akan membuat video itu untuk disebar kepada dunia sekiranya kita ditangkap. Video tersebut sebagai salah satu cara untuk memberi tekanan kepada pihak Israel untuk membebaskan tahanan dengan segera kerana jika ditawan di perairan antarabangsa, mengikut undang-undang antarabangsa ia sememangnya satu kesalahan dan pencabulan.

Pengalaman ditawan oleh tentera Israel sememangnya satu detik cemas, adakah perkara ini akan mematahkan semangat YBrs. Dr. untuk meneruskan misi MyCARE?

Insha Allah, saya tidak pernah serik setelah apa yang berlaku. Saya tidak akan belayar lagi bagi misi *Freedom Flotilla* kerana misi ini hanya membenarkan seorang sahaja wakil setiap negara untuk menyertainya. Saya memberi ruang kepada ahli yang lain pula tetapi mungkin misi berbentuk lain akan saya sertai. Apabila



saya ditangkap, kesan kepada kekuatan jiwa amat besar. Ketika menyertai misi tersebut, kita perlu bersedia dari sudut mental dan fizikal. Bagi saya, persediaan mental banyak memberi ketenangan. Saya mempersiapkan diri dengan mendekati diri lagi kepada tuhan seperti memperbanyakkan zikir dan sebagainya. Sebenarnya ada satu misi yang pernah saya sertai yang lebih berbahaya berbanding misi ini iaitu misi kemanusiaan di Syria. Kita masuk ke Syria ketika itu melalui Lubnan dan melalui satu kawasan pergunungan yang bila-bila masa sahaja boleh ditembak. Ditambah pula ketika itu peperangan sedang berlaku. Misi tersebut juga adalah untuk menghantar ubat-ubatan melalui MyCARE. Ketika memasuki Syria, kami dibekalkan dengan baju kalis peluru kerana keberangkalian ditembak boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Bila kita menuju ke kawasan yang hendak disampaikan bantuan, kami ternampak banyak mayat yang ditembak hancur dan sememangnya kami reda jika berlaku perkara yang tidak diinginkan ke atas kami. Kami juga berkesempatan melihat satu letupan yang sangat hampir dengan tempat misi kami memberi bantuan dan saya rasa pengalaman itu sebenarnya lebih berbahaya berbanding ditawan di perairan, cuma ia tidak mendapat liputan media yang meluas ketika menyertai misi tersebut. Apabila saya menyertai misi ke Israel ini, perasaan gentar itu tetap ada, cuma misi sebelum ini telah memberi pengalaman awal dan inilah sebenarnya konsep misi keamanan iaitu sentiasa bersedia jika berlaku sesuatu keberangkalian.

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh anak muda lain yang berminat dengan kerja-kerja sukarelawan?

Kita boleh mulakan dengan misi yang kecil. Jika di universiti, mereka boleh sertai misi kemanusiaan. Definisi kemanusiaan ini bermaksud apa-apa sahaja bantuan kepada masyarakat. Contohnya misi sukarelawan di Lombok bagi membantu orang miskin. Jadi banyak ruang yang boleh disertai. Jika tidak menyertai misi mereka juga boleh melibatkan diri dalam program-program kesedaran yang boleh disertai secara sukarela. Selain itu, pelbagai program turun padang dianjurkan untuk mempraktikkan nilai-nilai kemanusiaan.

Dari sudut hubungan antarabangsa, adakah konflik Israel - Palestin dapat diselesaikan dan adakah misi bantuan akan tetap diteruskan walaupun terdapat halangan?

Sebenarnya semua masalah boleh diselesaikan. Jadi kita perlu positif berhubung isu ini. Hanya masa sahaja sebenarnya yang menjadi faktor bila masalah itu dapat diselesaikan. Jika kita pesimis perkara ini tidak dapat diselesaikan, maka kita tidak dapat memberi apa-apa bantuan kepada mereka. Kerja kita sebagai aktivis kemanusiaan adalah memberi bantuan selagi termampu untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Selesai atau tidak, ia bukan urusan kita kerana apa yang kita buat itu adalah sumbangan untuk menyelesaikan masalah. Ini konflik antara negara, jika kita sebagai NGO, tidak akan masuk ruang lingkup negara, sebaliknya ruang lingkup kita adalah bagaimana melihat masyarakat di sana boleh dibantu dan bila kita bantu manusia di sana, ia boleh menyelesaikan masalah yang lain dan boleh mengurangkan dan membantu proses untuk mempercepatkan proses pendamaian. Begitu juga OIC, wajar memberi peranan yang besar sebagai sebuah negara kesatuan Islam. Jika dilihat isu Gaza kini, sebenarnya banyak negara barat yang membantu dalam proses penyelesaiannya. Tekanan dari Amerika Syarikat dan Israel tetap ada cuma mereka terikat dengan lobi-lobi Israel dan tekanan-tekanan tertentu. Ini isu umat Islam, kita mengharapkan negara-negara Islam tampil dalam menghulurkan bantuan.



“Berakit-rakit Ke Hulu, Berenang-renang Ke Tepian, Bersakit-sakit Dahulu, Bersenang-senang Kemudian”

Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif memulakan penyampaian syarahan tahunannya dengan menjelaskan sebab pemilihan tajuk syarahan iaitu merujuk kepada satu peribahasa Melayu yang mempunyai maksud istimewa. “Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian” dipilih menjadi tajuk syarahan sempena Majlis Syarahan Tahunan Naib Canselor 2018 yang diadakan pada 18 Julai di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak.



Menurut Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua (2016), peribahasa tersebut ditakrifkan sebagai satu ungkapan yang merujuk kepada keinginan untuk mendapat kesenangan kelak, maka seseorang harus berani bersusah payah terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, Dato’ Naib Canselor menjelaskan makna peribahasa tersebut secara lebih terperinci sejajar dengan konteks UniSZA. Sebagai contoh, perkataan “berakit-rakit” dikaitkan dengan keperluan budaya kerja berpasukan bagi mencipta kecemerlangan yang usaha tersebut telah bermula daripada generasi pembangun Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan ia terbukti membuahkan hasil.

Perjalanan UniSZA terpahat daripada satu permulaan yang hebat sesuai dengan kehebatan sistem pendidikan Islam di Terengganu sejak berzaman. Mendepani kesusahan dalam meraih kejayaan sememangnya sinonim dengan gagasan “bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian”. Setiap insan yang ingin mengecapi kejayaan mesti melalui kesususahan kerana ia merupakan lambang usaha yang dilakukan. Dato’ Naib Canselor mengingatkan warga UniSZA tentang kewajipan insan bergelar pekerja yang perlu bangkit menunaikan tanggungjawabnya dengan tekun dan menolak sikap berpeluk tubuh serta malas berusaha. Dalam hal inilah, peringatan diberikan secara jelas berkenaan tanggungjawab seorang pekerja berintegriti yang sanggup berada dalam keadaan susah tatkala menghadapi cabaran pelaksanaan tugasannya. Pemahaman bahawa setiap pekerjaan merupakan satu ibadah perlu diterapkan dalam diri setiap warga UniSZA sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam.

Usaha membawa UniSZA menjadi sebuah universiti pilihan dunia sentiasa dilaksanakan oleh seluruh warga gedung ilmu ini. Oleh itu, peringatan demi peringatan perlu diberikan agar setiap warga tidak culas dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. UniSZA tidak akan berada pada landasan yang betul sekiranya perkara negatif tidak dibendung, cabaran tidak diendahkan dan masalah tidak diselesaikan dengan cara terbaik. Peringatan yang baik akan menatijahkan hasil yang baik meskipun ruang penambahbaikan perlu terus dilaksanakan. Justeru, sorotan pencapaian sepanjang tahun 2017 telah dibentangkan dalam syarahan Dato' Naib Canselor agar menjadi pemangkin kepada pencapaian pada 2018 dan tahun-tahun akan datang.

Pelaksanaan Pelan Strategik UniSZA 2017-2025 telah menampakkan hasilnya apabila UniSZA melakar sejarah tersenarai dalam QS Asia University Ranking dengan berada dalam kelompok 351-400 universiti terbaik di Asia. Selain itu, Dato' Naib Canselor turut menyatakan bahawa tahun 2017 mencatatkan enrolmen pelajar seramai 12,076 orang bagi program pengajian prasiswazah dan 1,957 orang pelajar pascasiswazah termasuk 758 orang pelajar antarabangsa dari 32 buah negara. Pencapaian akademik di UniSZA turut diserlahkan dengan penawaran 18 kursus *Massive Open Online Course (MOOC)* serta pencapaian 67 peratus pengajaran berasaskan pembelajaran teradun bagi tahun 2017. Kejayaan warga akademik UniSZA memenangi sepuluh pingat emas dalam pertandingan *International University Carnival on e-Learning (IUCEL 2017)* turut membuktikan bahawa universiti menyahut cabaran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang memfokuskan pendekatan digital dengan penggunaan teknologi terkini.

Dari aspek penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan pula, Dato' Naib Canselor menyatakan bahawa UniSZA berjaya memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM7.35 juta pada tahun 2017 atau peningkatan sebanyak 141 peratus berbanding tahun 2016. Hasil penerbitan UniSZA juga telah meningkat secara mendadak dengan jumlah 690 penerbitan artikel jurnal berindeks ISI, Scopus dan ERA, iaitu peningkatan sebanyak 102 peratus berbanding tahun 2016. UniSZA turut meneruskan kecemerlangan pada tahun 2017 dengan memenangi sejumlah 18 pingat emas dalam pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2017 juga UniSZA buat julung kalinya telah berjaya menghantar markah tertinggi dalam penarafan *Malaysian Research Assessment (MyRA)*, dengan markah sebanyak 62.2 peratus setelah diaudit oleh auditor dalaman. Kejayaan ini bakal membawa kepada penarafan empat bintang iaitu penarafan tertinggi yang pernah diterima oleh UniSZA.

Selain itu, Dato' Naib Canselor tidak menafikan keterlibatan pelajar dalam usaha membawa UniSZA menjadi sebuah universiti tersohor. Dalam syarahan tahunan kali ini, Dato' Naib Canselor telah menyenaraikan nama pelajar UniSZA yang berjaya meraih Anugerah Tokoh Siswa, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, iaitu Saudara Muhammad Nursyazwan Zainuddin (Anugerah Pemimpin Program Wacana Intelek Terbaik), Saudara Nuuh Muhamad Idris (Anugerah Pemimpin Badan Beruniform), dan Saudara Mohammad Farid Abdul Talib (Anugerah Pemimpin Sukarelawan - Kesejahteraan Komuniti). Selain itu, pelajar UniSZA turut membuktikan kehebatan mereka dalam pertandingan luar kampus yang mencerminkan graduan holistik seperti Saudari Puteri Nuraina Balqis Mohd Asri, penerima *Honorable Mention Award* dalam program *Asia Youth International Model United Nation (AYIMUN) 2017*. Saudara Muhammad Amir Zainuddin pula telah memenangi Anugerah Pendebat Terbaik dalam Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2017. Selain itu, seorang pelajar OKU iaitu Saudari Nurshaqirreen Zainon yang dinobatkan sebagai Johan dalam Pertandingan *Three Minutes Idea* sempena Konvensyen Pembangunan Mahasiswa dan Mahasiwa OKU 2017 (SDADIC'17).

Kecemerlangan UniSZA pada tahun 2017 perlu dipertingkatkan untuk tahun-tahun yang akan datang bermula dengan sasaran pada tahun 2018. Menurut Dato' Naib Canselor, UniSZA telah meluluskan bajet sebanyak RM1 juta bagi memulakan pelaksanaan strategi peningkatan reputasi akademik dan penyelidikan UniSZA, di bawah pemantauan Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Kualiti (SPaQM). Bajet ini akan digunakan bagi menggalakkan aktiviti yang dapat meningkatkan keternampakan UniSZA di peringkat global. Antara aktiviti yang bakal mendapat suntikan strategi khas ini ialah penajaan program mobiliti *inbound* dan *outbound* antarabangsa, penyediaan insentif khas bagi penerbitan berimpak tinggi, kerjasama penyelidikan bersama universiti terkemuka dunia, dan pemerksaan Pusat Kebolehpasaran dan Keusahawanan Pelajar. Semua usaha ini merupakan bukti komitmen UniSZA bagi mencapai hasrat untuk menjadikan tahun 2018 sebagai tahun pemerksaan akademik, penyelidikan, pelajar dan komuniti melalui pelbagai usaha dalam menyahut cabaran era Revolusi Industri 4.0.

Dalam usaha menjadikan UniSZA sebagai sebuah institusi ilmu tersohor di peringkat global, Dato' Naib Canselor mengingatkan setiap warga universiti agar usaha pemerksaan UniSZA tidak melupakan komuniti setempat. Setiap usaha untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti mestilah dilakukan secara holistik dengan penganjuran aktiviti yang memberi fokus kepada aspek kemanusiaan dan islamisasi, memugar keinsanan dan menyegar keislaman. Sepanjang tahun 2017 dan setengah tahun 2018, UniSZA telah berjaya melakukan pelbagai aktiviti yang melibatkan

komuniti selaras dengan pengiktirafan UniSZA sebagai universiti komuniti.

Dato' Naib Canselor turut menekankan usaha untuk memartabatkan agenda wakaf dan infak di UniSZA. Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan hadis yang memperlihatkan betapa pentingnya persaudaraan sesama insan, saling menyayangi, saling membantu dan cakna antara satu sama lain. Semua ini dapat dizahirkan melalui amalan bersedekah sama ada yang berstatus wajib mahupun sunat seperti amalan berwakaf. Dalam usaha mengorak langkah ke hadapan, Dato' Naib Canselor menggariskan dua perkara yang perlu diambil perhatian berkaitan agenda wakaf. Pertama, sumber wakaf perlu dipelbagaikan dan kedua, pelaporan berpusat bagi kutipan dana wakaf, zakat dan derma daripada pelbagai pihak kepada UniSZA perlu dikuatkuasakan. Oleh itu, setiap pusat tanggungjawab di UniSZA yang menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai dan bukan wang tunai perlu melaporkan kepada Pejabat Wakaf dan Infaq secara bulanan untuk tujuan perekodan.

Penekanan turut diberikan oleh Dato' Naib Canselor tentang keperluan mempraktikkan idea “Kesatuan Berfikir dan Kesatuan Bertindak” dalam usaha membawa pembangunan yang lebih tinggi dan bermakna kepada UniSZA. Sebagai sebuah institusi ilmu, hakikatnya UniSZA merupakan satu usrah atau keluarga besar terdiri daripada anggota yang mempunyai latar belakang pengetahuan, pengalaman, bangsa dan agama yang berbeza. Walau bagaimanapun, kepelbagaian ini hakikatnya ialah sunnatullah yang tidak seharusnya dijadikan alasan untuk setiap warga UniSZA gagal bergerak dalam satu saf, umpama batu-batan yang tersusun rapi melengkapkan sebuah bangunan yang utuh. Terdapat dua aspek yang mampu menjadikan warga UniSZA bergerak merentasi cabaran peradaban secara lebih dinamik. Pertama, dari aspek kesatuan dalam menggagaskan perancangan strategi, dan aspek kedua melibatkan gaya pengurusan unggul dalam memacu perubahan dan peradaban. Inilah yang telah diinspirasi oleh Rasulullah s.a.w. sepertimana yang tercatat dalam lipatan sejarah Hijrah al-Rasul dari Mekah ke Madinah.

Syarahan Tahunan Dato' Naib Canselor diakhiri dengan rakaman penghargaan kepada semua warga UniSZA atas sumbangan idea, masa dan tenaga yang telah diberikan untuk melihat kelestarian pembangunan UniSZA dari semua aspek meliputi akademik, penyelidikan, sumber manusia, pelajar, infrastruktur, sistem pentadbiran, hubungan dengan komuniti dan sebagainya. UniSZA akan sentiasa memperlihatkan kemajuan yang terus meningkat dari semasa ke semasa natijah daripada usaha kerjasama dan semangat kerja berpasukan warga kampus. Sesungguhnya tekad murni untuk menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti yang hebat dalam memperjuangkan ilmu dan akhlak perlu dijadikan keutamaan semua pihak sesuai dengan moto universiti iaitu “Ilmu Demi Faedah Insan”.



UniSZA Terima Kunjungan Menteri Pendidikan

UniSZA telah menerima kunjungan daripada Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik pada 8 Julai yang lalu. Lebih membanggakan, UniSZA adalah universiti pertama yang dilawati beliau selepas viral beliau melakukan lawatan ke sekolah-sekolah di Terengganu.



Dr. Maszlee ketika ditemui menzahirkan rasa kagumnya atas sikap mahasiswa UniSZA yang memastikan kebersihan meja selepas makan dan dalam banyak lawatannya, beliau memaklumkan ini antara perkara terbaik dan wajar dicontohi semua Universiti Awam di Malaysia. Beliau juga berbangga dengan pemimpin siswa UniSZA yang membangunkan sendiri Pusat Aktiviti Pelajar khusus untuk mahasiswa menjalankan aktiviti.

Sementara itu, Presiden MPP UniSZA, Muhammad Ammar Rafiq turut mengutarakan beberapa masalah yang perlu diambil perhatian oleh pihak YB Menteri. “Semoga lawatan ini memberi banyak manfaat kepada UniSZA,” katanya ketika ditemui.

Dalam lawatan itu juga, Dr. Maszlee sempat meluangkan masa bersama pelajar UniSZA di kawasan asrama lama, asrama baharu, kafeteria dan Pusat Aktiviti Pelajar serta mengunjungi Pejabat Naib Canselor di Bangunan Canselori.

Turut mengiringi beliau, Naib Canselor, Prof. Dato Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Dr. R Badlishah Ahmad; Pendaftar, Encik Ismail Ahmad; dan Bendahari, Puan Shakimah Endut.



Bengkel Pembantu Tadbir Profesional 2018

Pejabat Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Bengkel Pembantu Tadbir Profesional 2018 pada 16 hingga 17 April. Program selama dua hari ini telah diadakan di Dewan Seminar Seni, Pusat Kesenian dan Warisan (PKW) UniSZA Kampus Gong Badak.

Bengkel ini dihadiri oleh 50 orang staf UniSZA yang telah dipilih. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutamanya tentang perkara asas berkaitan pengurusan pejabat ke arah budaya kerja IR4.0.

Peningkatan ilmu serta kemahiran perlu diberikan kepada setiap staf supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mantap. Sebanyak enam slot ceramah telah dimuatkan semasa bengkel. Tiga ceramah untuk hari pertama telah disampaikan oleh Pegawai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Mazri Mamat.

Beliau berkongsi tentang Prestasi Diri dan Kerjaya, Perubahan Masa Kini (IR4.0) dalam Arena Pentadbiran dan Profesionalisme Pembantu Tadbir UniSZA. Ceramah pada hari kedua pula disampaikan oleh Timbalan Pendaftar UniSZA, Encik Ahmad Termizi Ab. Aziz yang menyentuh berkaitan Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan, Kecemerlangan Pembantu Tadbir Melalui Teknik NLP serta Pelan Tindakan UniSZA dan Pejabat Pendaftar.

Selain itu, sistem pengurusan masa dan membentuk pasukan kerja dalam jabatan turut diterap bagi membentuk staf yang lebih profesional semasa melakukan tugas harian. Kemahiran komunikasi yang lebih efektif juga diajar kepada peserta bagi memastikan maklumat penting dapat disampaikan kepada penerima dengan berkesan tanpa menjejaskan imej dan perjalanan organisasi.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pembangunan Kerjaya, Pejabat Pendaftar, UniSZA Encik M. Nor Aishamuddin Sazali.



Dato Seri Vida

dalam Program Business Talk



Program *Business Talk* oleh Dato Seri Vida telah diadakan pada 18 April bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah. Program tersebut dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (PMFESP) dengan kerjasama Kelab Keusahawanan, dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, HEPA).

Dato Seri Vida atau nama penuhnya Dato Seri Hajah Hasmizah Othman berasal dari Kelantan merupakan pengasas produk kecantikan terkenal iaitu Pamoga dan Qu Puteh yang bernaung di bawah syarikat Vida Beauty Sdn. Bhd..

Program ini terbuka untuk pelajar dan staf serta peserta luar dengan bayaran penyertaan RM10 bagi tempat duduk bebas, RM20 bagi tempat duduk VIP dan RM50 bagi tempat duduk VVIP. PMFESP juga mendapat tajaan daripada HEPA dan pihak luar.

Program ini bertujuan memberi inspirasi dan menyuntik semangat semua bakal usahawan untuk memulakan perniagaan dan mendapat tips serta ilmu dalam bidang keusahawanan dan perniagaan dari seorang usahawan yang terkemuka di Malaysia seperti Dato Seri Vida. Selain itu, ia juga dapat memberi keyakinan kepada pelajar atau sesiapa sahaja yang ingin memulakan perniagaan tetapi masih lagi mengintai ruang dan peluang untuk memulakan langkah pertama dalam bidang perniagaan.



Pelajar memberi maklum balas positif dan amat berminat dalam program sebegini dengan memberikan cadangan untuk penambahbaikan pada masa hadapan dan mengadakan lebih banyak program berbentuk perkongsian sebegini dengan menampilkan usahawan yang lain seperti Vivy Yusof dan Neelofa.

Minggu Penyelidikan dan Hari Terbuka Makmal FBIM 2018



Fakulti Biosumber & Industri Makanan (FBIM) telah mengadakan Minggu Penyelidikan dan Hari Terbuka Makmal 2018. Program di bawah kelolaan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan) FBIM, Dr. Nadiawati Alias diadakan pada 6-7 Mei 2018, bertempat di makmal FBIM, Kampus Besut. Program ini memfokuskan aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi tujuan menyemarakkan semangat penyelidikan dalam kalangan pensyarah, pelajar prasiswazah dan pascasiswazah FBIM dan merapatkan hubungan silaturahim antara pelajar sekolah-sekolah di sekitar daerah Besut.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pembentangan dan pertandingan poster penyelidikan mengikut kategori program pengajian pelajar prasiswazah dan kategori umum bagi pelajar pascasiswazah. Sebanyak 108 permohonan daripada pelajar prasiswazah dan 17 daripada pelajar pascasiswazah telah diterima bagi menyertai aktiviti tersebut.

Pemenang tempat pertama bagi kategori pelajar pascasiswazah ialah Saudari Shadariah Mamat, manakala bagi kategori pelajar prasiswazah dimenangi oleh Saudari Nur Aisyah Zin, Saudari Wan Marlin Rohalin dan Saudari Lim Kah Mun. Masing-masing adalah pelajar program Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian; Produksi dan Kesihatan Haiwan; serta Teknologi Makanan. Hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang telah disampaikan oleh Dekan FBIM, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd.

Manakala, program Hari Terbuka Makmal pula bermula dengan penerangan daripada Penyelaras Makmal, Dr. Norshida Ismail mengenai kemudahan peralatan di FBIM dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh para pensyarah FBIM. Satu slot ceramah khas daripada Prof. Dr. Abdul Manaf Ali turut diadakan bagi memberi inspirasi kepada para pensyarah muda untuk meningkatkan lagi potensi masing-masing dalam bidang penyelidikan.

Aktiviti-aktiviti interaktif makmal yang dirangka adalah bertujuan untuk menerapkan nilai Science, Technology, Engineering & Mathematic (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah serta meningkatkan minat mereka dalam bidang sains. Aktiviti-aktiviti ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti; identifikasi serangga, amali menghias kek cawan, mengenal rangka haiwan dan what is in your water? plankton observation bagi kategori sekolah rendah. Bagi kategori sekolah menengah pula aktiviti seperti kenali bumi hijau, demonstrasi tisu kultur tumbuhan, pengenalan bakteria umum dalam makanan, pengenalan parasit haiwan dan mengenali ikan secara saintifik. Program ini disertai oleh pelajar dari SK Tembila, SK Gong Bayor, SK Benteng Lintang, SMK Nasiruddin Shah, SMK Tengku Mahmud dan SMK Tembila.

Mukhayyam Lughawi 2018

Proses pemerolehan bahasa asing tidak terhad kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sahaja. Pelaksanaan aktiviti bahasa di luar kelas pembelajaran turut memberi impak positif kepada para pelajar. Justeru, para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian) diwajibkan mengikuti kursus Mukhayyam Lughawi I (BAA 21602) yang merupakan subjek teras pengajian. Penawaran kursus ini melibatkan beberapa aktiviti bahasa yang dijalankan dalam tempoh seminggu.



Pada kali ini, penganjuran Mukhayyam Lughawi telah dilaksanakan pada 20-26 Januari dengan disertai oleh seramai 82 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA, selain turut melibatkan seramai 21 orang pelajar dari Universiti Fatoni, Thailand. Penganjuran Mukhayyam Lughawi ini menggariskan beberapa objektif utama antaranya memanfaatkan peluang penggunaan bahasa Arab dalam pelbagai situasi di luar kelas, mempamerkan keupayaan bekerja dalam satu pasukan, menyampaikan idea dan pengetahuan dalam bahasa Arab bagi pelbagai aktiviti bahasa serta merapatkan hubungan dan kelangsungan kerjasama akademik antara kedua-dua universiti.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang penganjuran Mukhayyam Lughawi kali ini. Antara aktiviti tersebut ialah Ma Ahsana Fariqana, Unshudat al-Nahw dan lain-lain. Kesemua aktiviti dalam Mukhayyam Lughawi dilaksanakan dalam bahasa Arab dan berorientasikan kerja kumpulan bagi memupuk semangat kerjasama antara pelajar UniSZA dengan pelajar Universiti Fatoni. Perbezaan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar kedua-dua universiti ini menjadi faktor utama mereka perlu menggunakan bahasa Arab sebagai medium interaksi sepanjang mengikuti program ini.

Rata-rata pelajar menzahirkan perasaan gembira sepanjang mengikuti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Mereka menyatakan bahawa dalam keadaan aktiviti yang dijalankan memerlukan komunikasi pertuturan dalam bahasa Arab, maka tiada jalan lain melainkan berusaha untuk bertutur dalam bahasa Arab secara spontan. Sememangnya terdapat beberapa orang pelajar mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap lemah, walau bagaimanapun dengan usaha yang ditunjukkan oleh setiap pelajar memberi gambaran bahawa penguasaan bahasa Arab amat bergantung kepada aspek praktikal, bukan sekadar pengetahuan teori semata-mata. Benarlah kata-kata yang menyatakan bahawa "Bahasa tidak dapat dikuasai melainkan dengan latihan praktikal".

Mukhayyam Lughawi kali ini diakhiri dengan majlis penutup yang telah diadakan pada 26 Januari di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Dekan FBK, Prof. Madya. Dr. Zulazhan Ab. Halim. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pusat Pengajian Bahasa Arab FBK, En. Mohd Fauzi Abdul Hamid dan wakil rombongan dari Universiti Fatoni iaitu Dr. Ridhwan Leeman, serta para pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, FBK. Penganjuran Mukhayyam Lughawi secara kerjasama antara UniSZA dengan Universiti Fatoni telah berlangsung untuk beberapa siri dan diharapkan kerjasama baik ini akan berterusan demi kelangsungan hubungan antara kedua-dua buah universiti bagi memartabatkan bahasa Arab di rantau ini.

Penganjuran ke-2 UniCeL Mendapat Sambutan

Penganjuran kali kedua Karnival e-Pembelajaran UniSZA (UniCeL) yang berlangsung pada 3 Mei telah berjaya menghimpunkan sebanyak 88 produk untuk dipertandingkan dalam kategori *Invention, Innovation and Design on e-Learning* (IIDeL). UniCeL 2018 juga telah berjaya menarik penyertaan dari sebahagian universiti awam (UA), politeknik dan peringkat sekolah. Karnival sehari yang bertemakan *Education 4.0 Innovation with Soul* dianjurkan oleh Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran (AQeL) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Karnival kali ini turut memberi penghargaan kepada pensyarah UniSZA melalui kategori-kategori anugerah yang diperkenalkan iaitu Anugerah Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan; Anugerah Pengajaran Transformatif Syarahan Secara Interaktif; Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif Maya; Anugerah Pengalaman Pembelajaran Imersif Teradun (Blended); dan Anugerah Kurikulum Program Pengajian Inovatif.

Menerusi ucapan pada majlis perasmian penutup karnival, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif berharap supaya penganjuran karnival kali ini dapat dijadikan landasan dalam memberi pendedahan dan galakan kepada warga akademik untuk berkarya dalam menghasilkan pembangunan, inovasi dan reka bentuk berteraskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan teknologi terkini sesuai dengan era Transformasi Pendidikan 4.0.


Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad pula dalam ucapan aluan menyatakan bahawa setiap ahli akademik perlu melibatkan diri dalam penyampaian pengetahuan menggunakan teknologi dalam usaha meningkatkan daya saing di peringkat global. UniCeL 2018 juga telah berjaya menyenarai pendek sejumlah penyertaan daripada UniSZA untuk dinaik taraf dan dibuat penambahbaikan supaya dapat dipertandingkan di peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Penyertaan UA dalam pertandingan IIDeL sangat membanggakan dengan hampir kesemua UA telah menghantar penyertaan. UiTM telah menghantar penyertaan paling banyak iaitu sepuluh; diikuti dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris sebanyak lima penyertaan; Universiti



Malaysia Kelantan empat penyertaan; Universiti Putra Malaysia (UPM) tiga penyertaan; manakala Universiti Malaya dan Universiti Sains Islam Malaysia masing-masing menghantar satu penyertaan. Selain UA, UniCeL menerima tiga penyertaan dari Politeknik dan dua penyertaan dari Maktab Rendah Sains Mara. UniCeL turut menerima satu-satunya penyertaan dari sekolah iaitu SK Banggol Peradong.

Selain daripada pertandingan IIDEL, UniCeL juga turut menganjurkan Bengkel Robotik dan Cybergogy kepada pelajar sekolah menengah dan para akademik UniSZA. Sambutan sangat menggalakan bagi Bengkel Robotik iaitu seramai 32 peserta dengan kehadiran kumpulan pelajar bukan sahaja dari negeri Terengganu malah turut mendapat penyertaan dari negeri Kelantan iaitu SM Baroh Pial, Rantau Panjang. Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Engku Fadzli dari Fakulti Informatik dan Komputeran. Manakala bengkel Cybergogy pula disertai oleh seramai 102 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik UniSZA dan pelajar pascasiswazah yang begitu berminat dan teruja dengan bengkel yang dikendalikan oleh penceramah berpengalaman iaitu Prof. Madya Dr. Zuhainis Saad dari UPM dan Prof. Madya Dr. Shukri Nordin daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pendedahan berkenaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan teknologi telah dikongsi bersama peserta. Peserta menyatakan bahawa bengkel ini sangat bermanfaat untuk dipraktikkan dalam kelas bagi sesi pembelajaran yang interaktif dan lebih menarik.



Program Flagship Keusahawanan: Karnival Siswapreneur @ UniSZA 2018



Program Flagship Keusahawanan: Karnival Siswapreneur@UniSZA 2018 Siri I merupakan inisiatif UniSZA bagi memastikan mahasiswa kursus MPU 32092: Asas Pembudayaan Keusahawanan mendapat kesedaran dan pengalaman pembelajaran keusahawanan semasa mengikuti pengajian mereka di UniSZA.

Program yang melibatkan pihak industri dengan pelajar adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan. Selain pihak industri, penilai dalaman UniSZA yang terdiri daripada pensyarah kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan dan pensyarah dari Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) turut terlibat bagi menilai pelajar untuk program tersebut. Program yang berkonsepkan *experiential learning* merupakan modul baharu yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2017. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Mahadzirah Mohamad pada 5 Mei di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA.

Program ini merupakan kerjasama antara Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL) dengan Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP). Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang program tersebut adalah Pameran dan Jualan Produk Pelajar serta pelbagai Pentaksiran HIEPs yang dibuat melalui pameran *Real Business Challenge*, *Business Model Canvas*, Kertas Kerja Rancangan Perniagaan, Penilaian Produk dan Penilaian Industri.

Program ini membolehkan pelajar menyiapkan diri secara holistik, meningkat peluang mahasiswa untuk memulakan langkah sebagai usahawan siswa, mengkomersial produk dan mewujudkan ekosistem *experiential learning*.

Selain itu program ini dapat mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (HPK/CLO) 2; menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif dan HPK/CLO 3; merancang dan melaksanakan projek atau aktiviti keusahawanan. Program ini pada dasarnya telah berjaya mencapai objektif amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) KPT iaitu penguasaan kemahiran insaniah dalam Projek dan Tugas Kolaboratif (*Collaborative Assignments and Project*). Ini dinilai melalui pelajar yang bekerja secara berkumpulan dan menyelesaikan masalah bersama.

Pertandingan penyediaan rancangan dijuarai oleh kumpulan dari Joy Corporation daripada pensyarah pembimbing, Encik Mohd Faradi. Tempat kedua pula disandang oleh kumpulan dari We 7 Al-Falah Enterprise daripada pensyarah pembimbing, Dr. Wan Amalina, manakala kumpulan dari Brownies Makhluq Penggoda mendapat tempat ketiga daripada pensyarah pembimbing, Puan Normila.

Bagi pertandingan Model Canvas pula, kumpulan JM Cheezy berjaya menjadi johan di bawah bimbingan Puan Normila; diikuti oleh kumpulan dari We 7 Enterprise di bawah bimbingan Puan Khairun Nisa. Tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan dari Sandwich Bregg Letop di bawah bimbingan Encik Mohd Faradi. Ketiga-tiga pemenang ini turut memenangi pertandingan *Real Business Challenge*.

Kesimpulannya, pembudayaan keusahawanan merupakan aspek penting dalam pembangunan siswazah. Pembudayaan keusahawanan akan melahirkan siswazah yang kreatif dalam mencari jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi.

Oleh itu, siswazah perlu sensitif dan sedia bertanggungjawab terhadap kesan yang akan diterima oleh masyarakat akibat kegiatan keusahawanan yang dijalankan. Di samping itu, pembudayaan keusahawanan juga membolehkan siswazah menggembeleng serta memanfaatkan potensi, reputasi dan sumber-sumber yang ada untuk manfaat diri, perniagaan, pelanggan dan masyarakat keseluruhannya.

Seminar Fiqh al-Fatihah



Kelab Nadi Huffaz Sesi 2017/2018 dan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL) telah mengadakan Seminar Fiqh Al-Fatihah dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Dewan Perdana UniSZA pada 21 April.

Seminar ini berkaitan dengan pembelajaran surah al-Fatihah berdasarkan beberapa disiplin ilmu seperti perbincangan dari sudut tajwid, bahasa, fikah dan qiraat yang telah disampaikan oleh pensyarah Kolej Al-Quran Terengganu, Dr. Azizul Hassan.

Antara objektif pelaksanaan seminar adalah untuk memantapkan pengetahuan, khususnya berkaitan ilmu al-Quran dalam kalangan mahasiswa UniSZA, selain melahirkan generasi yang celik al-Quran. Di samping itu, seminar ini bertujuan mencungkil bakat yang terpendam serta memupuk sifat mahabbah dalam masyarakat.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 400 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah UniSZA. Program ini diadakan sebanyak dua sesi. Sesi pertama memberi pendedahan kepada peserta tentang pengenalan surah al-Fatihah dan perbahasan yang terdapat dalam surah tersebut dari segi tajwid, bahasa dan fikah. Sesi kedua pula memberi pendedahan kepada peserta dari segi qiraat, rasm, ijaz dan fawasil dalam surat tersebut. Para peserta juga berpeluang untuk bersoal jawab dengan penceramah.

Maklum balas yang diterima daripada para peserta sangat positif dan rata-rata menyatakan bahawa mereka sangat berminat dengan ilmu yang dikongsikan oleh penceramah serta memberi cadangan agar program ini terus dijalankan pada masa akan datang.



12th Meeting Of JKPA

The two-day programme was held on 11-12 May 2018. UniSZA was chosen to be the host of the meeting after the 11th meeting was held at UMK in 2017. JKPA is a committee among international directors from all public universities in Malaysia. The purpose of the meeting is to discuss the best practices among universities, challenges and internationalization. The meeting was attended by all international directors in Malaysia, a few private universities and Education Malaysia Global Service Malaysia (EMGS).

On 11 May 2018, all members were expected to reach Kuala Terengganu. The International Centre had organized a tour within Kuala Terengganu town in the afternoon. The members visited popular destinations such as Masjid Abidin, Chinatown and Bukit Puteri. On the same day, a networking dinner was held at D'Benteng at Taman Tamadun Islam.

On 12 May 2018, the programme was divided into 2 sessions, a forum in the morning at the Library Auditorium and a meeting in the afternoon at the Senate Hall. The programme was officiated by the Vice Chancellor of UniSZA. The focus for the first session was mobility programmes. The forum discussed fundamentals in arranging international mobility and the challenges faced by public universities.

On the second session, a meeting with all the members took place. Several issues were discussed such as visa and immigration matters for international students, EMGS latest information and international promotion. On the second part of the meeting, a live discussion was made between the members of the meeting and the Education Malaysia UK director. The gist of the discussion was international promotion and mobility chances for all public universities in the UK.

The meeting was adjourned at 5.30 pm. The International Centre would like to express its highest gratitude to all student buddies and departments who have given their best commitment to make this programme a success.



Imam Workshop and Prayer Guidance for UniSZA Staff



An 'Imam Workshop and Prayer Guidance' for UniSZA staff was conducted on 24 May 2018 by the Islamic Centre, UniSZA. The programme took place in the UniSZA mosque classroom. Participants included 30 UniSZA staff. The opening ceremony was lead by Associate Professor Dr. Lazim bin Omar as Director of the Islamic Centre, UniSZA.

Several objectives of the programme include: to reveal knowledge to UniSZA staff on how to be a good imam for themselves and family; to help staff master every act of prayer and recite dynamically for practical prayer readings and to produce staff that perform zohor and asar prayers on time.

The programme began with the registration of UniSZA staff at the UniSZA mosque. After the registration, an opening ceremony was held. In that ceremony, Associate Professor Dr. Lazim bin Omar welcomed all staff involved and hoped that they would improve their knowledge, and practice that knowledge after attending the workshop. This was followed by a speech on quality prayer theory delivered by Ustaz Haji Suhaimi bin Mohamad, Chief Executive Officer of Islamic Affairs.

The programme then moved on to the practical workshop and practical reading of prayers lead by facilitators from the Islamic Centre and lecturers from the Faculty of Islamic Contemporary Studies. The programme ended at 1.00 pm in the afternoon.

The response received from the participants was encouraging and the reaction was positive. Hence, the Islamic Centre will continue to organise such programmes in the future. The Islamic Centre hopes that the programme organised benefited UniSZA staff in order to fulfill their responsibilities as Muslims.



Seminar Ilmiah Tenusu Kambing 2018

Projek UniSZA Dairy Goat Farm (UDGF) telah mula dilaksanakan pada Disember 2017. Projek ini memfokuskan kepada pembiakan kambing susu daripada baka UniSZA Saanen yang akan dipawahkan kepada usahawan tenusu kambing di daerah Besut, Terengganu. Di samping itu, modul UDGF juga akan digunakan dalam program Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) kepada para pelajar UniSZA khususnya pelajar Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM).

Rentetan daripada projek ini, satu seminar ilmiah berkaitan tenusu kambing telah diadakan pada 18-19 April. Seminar Ilmiah Tenusu Kambing 2018 (SITK 2018) telah diadakan di UniSZA Kampus Besut dan memfokuskan

kepada perkembangan serta teknologi terkini berkaitan industri tenusu kambing di Malaysia. Seminar ini berjaya mengumpulkan para akademia, siswazah, wakil industri dan pengusaha komuniti.

Seminar ini telah menyasarkan kepada beberapa objektif untuk dicapai. Antaranya adalah bagi menjayakan medan perbincangan ilmu berkaitan industri tenusu yang seterusnya menggalakkan perkongsian ilmu antara para penyelidik dan siswazah. Pada akhirnya perkongsian ini dapat membantu para akademia dan siswazah untuk memahami, mempraktikkan ilmu serta pengetahuan mengenai industri tenusu yang diusahakan. Selain itu, seminar ini diharapkan dapat mempromosi UniSZA sebagai Pusat Kecemerlangan bagi tenusu kambing di Malaysia yang akan terlibat secara proaktif bagi mempertingkatkan kolaborasi penyelidikan berkaitan industri tenusu kambing yang bermutu dan berwibawa.

Seminar pada hari pertama merupakan sesi pembentangan tentang hasil kajian berkaitan kambing tenusu oleh para penyelidik yang dijemput khas dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), UniSZA, Majlis Profesor Negara (MPN), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan wakil industri. Hari kedua pula diadakan program lawatan ke *UniSZA Saanen Breeding Centre* (USBC) yang terletak di Ladang UniSZA Pasir Akar, Besut.

Kemuncak kepada seminar ini adalah majlis penutup yang telah dirasmikan oleh Ketua Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan Majlis Profesor Negara (MPN), Tan Sri Profesor Dr.

Mohd Amin Jalaludin. Dalam ucapan penutupan program ini, beliau menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan seminar ini. Beliau turut mencadangkan agar satu seminar peringkat antarabangsa berkaitan kambing tenusu diadakan pada tahun hadapan.

Sambutan yang diterima daripada pihak peserta amat menggalakkan dan amat positif.

Justeru, pihak UDGF akan terus bekerjasama dengan FBIM bagi menganjurkan program seumpama ini pada masa akan datang.



FSSG GLOBAL STRATEGY

In Interview Skills & Entrepreneurship



As the world faces greater global economic challenges that in turn will affect the local situation, graduate employability, which is the ability of graduates to gain employment that commensurate with their qualifications, has become the central focus of the Higher Education Sector in the Ministry of Higher Education, Malaysia (MoHE).

Several factors have been identified as the possible causes for the increase in the unemployment rate among university graduates in Malaysia. One of the principal causes of unemployment among the graduates is the skill mismatch between the requirements of the industry and the knowledge possessed by graduates. Such a mismatch may be partly due to changes in the economic structure and technological advancement, which have made the current labour market more competitive and volatile. As a result, graduates face difficulties in getting jobs because they are not ready for the industry.

Prior to this, the Faculty of Applied Social Sciences (FSSG), UniSZA via the Student Affairs and Alumni Portfolio and Persatuan Mahasiswa FSSG made an initiative to organise a Finishing School programme with final year students in collaboration with Dewan Perniagaan Bumiputra Malaysia and Angkatan Sukarelawan Asas (ASAS) on 16 to 17 April 2018. Among the activities organised were grooming etiquette and talent matching, entrepreneur forum, “can we survive on salary?”, know your company, interview sessions & mock interview and volunteerism talk.

According to Dr. Norsuhaily Abu Bakar, Deputy Dean (HEPA), of FSSG, graduates had a positive perception of the effectiveness of the Finishing School program. However, in terms of the marketability outcome, the programme currently being offered was seen as ineffective. Informal interviews with officers at the management level from various companies showed that the local graduates were lacking in certain types of soft skills, particularly in English communication skills, compared with their counterparts who graduated from higher education institutions overseas. Employers listed three skills as critical for graduates to have, namely, problem solving skills, information management (exposure to general knowledge, current issues and ICT) and English communication.

SEJENAK BERSAMA PENOLONG NAIB CANSOLOR (PENJANAAN PENDAPATAN & PENGKOMERSILAN),

PROF. DR. AHMAD SHUKRI YAZID



Bolehkah YBhg. Prof. jelaskan tentang tujuan penubuhan Pusat Pengurusan Penjanaaan Pendapatan dan Pengkomersilan?

Penubuhan Pusat Pengurusan Penjanaaan Pendapatan dan Pengkomersilaan adalah untuk memenuhi dasar Kementerian Pendidikan (dahulunya Kementerian Pengajian Tinggi) bahawa menjelang tahun 2020, setiap Universiti Awam perlu menanggung 30 peratus daripada bajet pengurusan universiti. Atas perkembangan tersebut, pada Mac 2018, pihak pengurusan UniSZA telah membuka satu jawatan baharu iaitu Penolong Naib Canselor (Penjanaaan Pendapatan & Pengkomersilan) dan menubuhkan Pusat Pengurusan Penjanaaan Pendapatan dan Pengkomersilan (P4P) untuk menyokong dasar ini. Memandangkan penjanaaan pendapatan daripada yuran-yuran pelajar selama ini diuruskan oleh Pejabat Bendahari UniSZA, P4P yang baru ditubuhkan telah diberikan fokus utama untuk melakukan aktiviti penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan secara aktif supaya menjelang tahun 2020, 30 peratus daripada bajet pengurusan universiti itu dapat ditanggung oleh UniSZA selain menambah nilai penjanaaan pendapatan dari Pejabat Bendahari UniSZA.

Apakah strategi yang dirangka untuk mencapai matlamat dalam penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan serta cabaran untuk merealisikannya supaya UniSZA seiring dengan Universiti Awam yang lain?

Terdapat beberapa strategi yang telah dirangka dengan penstrukturan semula organisasi pusat dan unit yang diselia oleh pejabat ini. Strategi pertama ialah dengan penubuhan pusat baharu iaitu P4P seperti yang telah saya terangkan sebelum ini. Selain itu, Pusat Pendidikan Berterusan (CCE) dan Metro UniSZA@KL juga diletakkan di bawah pejabat ini. Ketiga-tiga pusat tanggungjawab ini mempunyai bidang tujuhan tersendiri dalam aspek penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan. Strategi kedua pula ialah dengan merangka pelan kerjasama dengan agensi luar antaranya Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC) dan beberapa agensi lain. Terdapat beberapa projek yang telahpun bermula dan terdapat beberapa yang masih dalam perbincangan. Rata-rata agensi luar ini sangat menyokong langkah yang diambil oleh pihak universiti. Manakala strategi ketiga pula adalah dengan memberi galakan dan pendidikan berkaitan inisiatif mengambil risiko, melabur dan menjalankan perniagaan terutamanya dalam kalangan pusat tanggungjawab terutamanya pihak fakulti melalui program *Faculty Enterprise*. Strategi ini penting kerana pihak universiti juga berhasrat untuk memperkenalkan dasar bahawa sepuluh peratus daripada bajet pengurusan sesebuah fakulti perlu dijana sendiri oleh mereka melalui aktiviti-aktiviti seperti perundingan, pengkomersialan produk penyelidikan dan penerbitan buku ilmiah.

Tentunya terdapat cabaran-cabaran untuk merealisasikan strategi yang digariskan ini dan sehingga kini pejabat ini telah mengenal pasti empat cabaran utama. Cabaran pertama yang telah dikenal pasti dalam penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan ini ialah kekangan sumber manusia. Dalam sebuah universiti, setiap individu telah pun mempunyai Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) masing-masing terutamanya dalam kalangan ahli akademik. Mereka telahpun mempunyai tugas pengajaran, penyeliaan siswazah, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat serta khidmat perundingan. Oleh itu, peranan penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan ini tidak lagi boleh dibebani kepada ahli akademik. Tambahan pula dengan penambahan tugas yang baharu ini tidak pula disertakan dengan peningkatan bilangan jawatan baharu yang sesuai bagi sesebuah pusat tanggungjawab. Cabaran kedua pula ialah kekurangan bidang kepakaran dalam penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan. Bukan semua ahli akademik pernah didedahkan dengan latihan untuk menjalankan perniagaan kerana ia bukan sebahagian daripada

komponen latihan konvensional dalam melahirkan seorang ahli akademik. Seorang ahli akademik menerima latihan rapi sepanjang pengajian dan kerjaya untuk menjadi pakar bidang mereka dan menjadi cabaran kepada mereka untuk membina kemahiran bagi menjalankan perniagaan yang menguntungkan dalam masa yang singkat. Seterusnya, cabaran ketiga yang dikenal pasti adalah modal permulaan perniagaan. Setiap perniagaan untuk menjana pendapatan dan pengkomersialan memerlukan modal dan ia perlu dimohon melalui pihak pengurusan universiti untuk kelulusan Pejabat Bendahari UniSZA. Isunya, sejauh mana pihak universiti berani mengambil risiko kerana apabila bercakap mengenai modal perniagaan semestinya perlu mengambil kira elemen risiko. Harapan daripada pihak universiti ialah aktiviti penjana pendapatan yang dijalankan adalah berdaya saing dan maju tetapi cabarannya ialah bagaimana kita hendak menstabilkan antara risiko dengan jumlah modal yang boleh dilaburkan.

Oleh itu, sebagai permulaan kita hanya boleh memulakan projek perniagaan kecil-kecilan terlebih dahulu sebagai percubaan untuk melihat sejauh mana projek tersebut boleh maju dan apa risiko yang perlu ditanggung untuk membolehkan pihak universiti membuat keputusan terhadap modal yang lebih besar. Cabaran terakhir pula ialah beberapa aktiviti yang dirancang terutamanya yang menggunakan fasiliti di Metro UniSZA@KL masih belum boleh dijalankan kerana fasiliti tersebut masih belum mendapat kelulusan daripada pihak kementerian. Kita cuba sedaya upaya untuk mematuhi keperluan dan hala tuju yang digariskan oleh pihak Kementerian dari semasa ke semasa. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini ditangguhkan terlebih dahulu kerana kelulusan tersebut amat penting sebelum kita bergerak ke fasa perancangan seterusnya.

Apakah bidang penjana pendapatan dan pengkomersialan yang menjadi bidang tujahan UniSZA?

Seperti yang saya maklumkan tadi, setiap pusat tanggungjawab yang disusun di bawah pejabat ini mempunyai bidang tujahan masing-masing yang unik dan ini adalah bidang tujahan yang dipersetujui oleh pihak pengurusan universiti. Secara keseluruhannya terdapat tiga bidang tujahan utama bagi penjana pendapatan dan pengkomersialan di UniSZA iaitu:



1. Program akademik formal dan tidak formal

Program akademik formal dan tidak formal ini diterajui oleh CCE dan Metro UniSZA@KL. Program akademik formal ini adalah program akademik lepasan ijazah dan ditawarkan kepada orang luar. Program akademik formal adalah berbentuk menguna pakai sistem kurikulum akademik yang diiktiraf dan membolehkan peserta memperoleh sijil ijazah selepas tamat program. Program akademik tidak formal pula adalah lebih fokus kepada kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus Bahasa Inggeris, Kursus Bahasa Arab dan sebagainya.

2. Perniagaan dan perundingan berasaskan pertanian dan penternakan

Bidang tujahan ini dipilih berikutan peluang perniagaan berasaskan pertanian dan penternakan yang luas di negeri Terengganu ini. Projek ini diterajui oleh P4P. Untuk tahun ini fokus diberikan kepada dua projek utama iaitu Projek Melon Manis Terengganu dan Projek Penternakan Ayam. Modal untuk permulaan projek telah disediakan oleh Pejabat Bendahari UniSZA. Tambahan pula projek ini juga mendapat sokongan daripada agensi-agensi luar.

3. Pengkomersialan dan perniagaan berasaskan perundingan/ penyelidikan (*Faculty Enterprise*)

Melalui program *Faculty Enterprise* yang dilancarkan tahun ini beberapa idea telah dikemukakan oleh pihak fakulti berdasarkan kepakaran mereka dan kebanyakan aktiviti adalah berbentuk perundingan dan berasaskan penyelidikan. Namun setiap aktiviti yang dicadangkan dibawah program ini perlu dinilai terlebih dahulu kerana kita tidak mahu pihak fakulti menjalankan aktiviti yang banyak tetapi memperoleh keuntungan yang kecil. Aktiviti penganjuran persidangan adalah salah satu aktiviti yang dicadangkan oleh beberapa fakulti kerana ia mempunyai prospek keuntungan yang tinggi. Terdapat juga fakulti yang akan memulakan projek pengkomersialan air mineral hasil kepakaran dan penyelidikan mereka.



Bagaimana YBhg. Prof. melihat kekangan ekonomi dan peruntukan kewangan universiti yang terhad sebagai cabaran dalam memaksimumkan kecemerlangan universiti?

Sudah tentu kekangan ekonomi dan peruntukan kewangan universiti yang terhad seperti yang dihadapi pada masa ini adalah satu cabaran dan tidak boleh dipandang remeh dalam usaha memaksimumkan kecemerlangan universiti. Kecemerlangan universiti pada masa kini lebih dinilai dari aspek prestij dan hanya sedikit tumpuan diberikan pada hasil pembelajaran graduan atau kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajarnya. Seseorang berpendapat apabila graduan yang berkualiti tinggi telah berjaya dihasilkan secara konsisten, ia secara langsung akan meningkatkan prestij universiti tersebut. Tetapi sudah tentu ia tidak akan berjaya dicapai dalam jangka masa yang singkat. Maka sudah semestinya kekangan ekonomi dan peruntukan kewangan akan memainkan peranan yang sangat penting bagi sebuah universiti yang muda seperti UniSZA. Belanjawan yang besar akan diperlukan untuk membuat perubahan-perubahan drastik dari semua aspek termasuk infrastruktur, pengambilan pelajar, penawaran program akademik, pengambilan ahli akademik ternama dari luar, pelaburan dalam membina jaringan industri sehingga ke penjenamaan universiti ke peringkat antarabangsa. Atas sebab inilah kita pada hari ini diminta untuk mula menjana pendapatan sehingga mencapai 30 peratus bajet pengurusan universiti menjelang tahun 2020. Namun seperti yang saya jelaskan tadi, jika kita hendak berniaga, pelaburan dalam bentuk modal tetap diperlukan dan sejauh mana usaha yang diambil dalam berniaga akan menentukan sama ada perniagaan tersebut membawa keuntungan yang kecil atau besar.

Pada pandangan YBhg. Prof, sejauh mana Universiti Awam perlu memainkan peranan dalam menjana pendapatan dan mengkomersialkan produk?

Pada pandangan saya, untuk menjawab soalan ini kita perlu lihat kembali apa sebenarnya tujuan atau motif sesebuah Universiti Awam ditubuhkan. Universiti Awam ini memainkan peranan untuk mendidik anak bangsa dan melakukan penyelidikan dan hasil penyelidikan ini boleh membantu menambah pendapatan dan meningkatkan produktiviti negara pada kemudian hari. Oleh itu, memandangkan peranan penjana pendapatan adalah satu perkara baharu bagi sesebuah universiti sudah tentu kita yang sedia mempunyai banyak peranan lain akan menjadi tidak efisien apabila ditambah peranan yang baharu. Universiti Awam seharusnya mempunyai fokus yang khusus. Penjana pendapatan dan pengkomersialan boleh dijalankan tetapi bukan dijadikan fokus utama di Universiti Awam. Buat masa ini sasaran yang perlu dicapai menjelang 2020 iaitu 30 peratus daripada bajet pengurusan universiti daripada sumber penjana pendapatan dan pengkomersialan adalah pada paras yang bersesuaian dan diharap peratusan ini tidak ditingkatkan pada masa akan datang.

Berdasarkan perancangan dan strategi Pengurusan UniSZA, pada tahap manakah kedudukan UniSZA dari aspek penjana pendapatan dan pengkomersialan dalam tempoh lima tahun yang akan datang?

Memandangkan tahun ini merupakan tahun pertama pejabat ini ditubuhkan, saya menasaskan proses membudayakan aktiviti penjana pendapatan dalam kalangan warga UniSZA dapat dijalankan sebagai permulaan. Walaupun begitu, pihak universiti telah menasaskan aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan pada tahun ini akan mencapai target sebanyak RM2 juta. Saya sedar ini merupakan target yang agak tinggi untuk tahun ini memandangkan pencapaian pada tahun lepas hanyalah dalam anggaran RM200 ribu. Kita terima cabaran ini dan akan bekerja keras untuk mencapainya. Saya lihat dalam tempoh lima tahun akan datang dengan sokongan daripada semua pihak terhadap usaha ini ditambah pula dengan dasar-dasar yang positif daripada pihak pengurusan universiti, kita akan berjaya membudayakan aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan dalam kalangan warga UniSZA. Saya juga amat yakin pada tahun 2020 kita boleh mencapai dasar 30 peratus dengan perancangan yang kita sudah ada ini.

Boleh Y.Bhg. Prof. kongsi, adakah terdapat ganjaran atau galakan yang diberikan kepada PTj yang berjaya melonjakkan penjana pendapatan dan pengkomersialan UniSZA?

Bagaimana kita hendak menggalakkan pusat tanggungjawab terutamanya fakulti yang sudah sedia mempunyai banyak KPI untuk menambah KPI berteraskan penjana pendapatan dan pengkomersialan juga menjadi satu perkara yang perlu difikirkan oleh pengurusan universiti. Salah satu kaedah yang boleh diguna pakai adalah dengan memberi ganjaran berbentuk insentif kewangan. Kami mencadangkan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan diberikan kepada pusat tanggungjawab tersebut kembali sebagai tanda penghargaan pihak universiti. Pejabat ini juga akan membawa kertas cadangan kepada pihak pengurusan universiti supaya Pejabat Bendahari boleh mewujudkan tabung amanah berasingan untuk setiap pusat tanggungjawab di UniSZA. Jadi, keuntungan aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan akan dimasukkan ke tabung amanah masing-masing dan tidak boleh diambil kembali oleh universiti. Tabung amanah ini kemudiannya boleh digunakan bagi aktiviti dalaman seperti latihan staf, program permukiman dan hari keluarga. Kita juga akan cadangkan penubuhan Jawatankuasa Penjana Pendapatan dan Pengkomersialan di peringkat pusat tanggungjawab masing-masing bagi mengawal selia penggunaan tabung amanah mereka. Dengan cara ini, saya percaya kita boleh melonjakkan aktiviti penjana pendapatan di peringkat PTj.

Kesimpulannya, aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan adalah perkara yang baharu dan banyak cabarannya. Kita masih berada di peringkat membudayakan perkara ini di UniSZA. Saya yakin dan optimis, jika pihak pengurusan universiti memberi sokongan yang baik dari segi modal, dan pembahagian keuntungan, dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan ini akan menjadi budaya di UniSZA. Saya berterima kasih kepada pihak pengurusan universiti kerana menubuhkan jawatan Penolong Naib Canselor (Penjana Pendapatan dan Pengkomersialan) sebagai tanda kesungguhan universiti dalam aktiviti penjana pendapatan dan pengkomersialan.

BERSAMA PENERIMA ANUGERAH TOKOH AKADEMIK, PROF. DR. KAMARUL SHUKRI MAT TEH



Pertamanya tahniah diucapkan kepada YBhg. Prof. atas Anugerah Tokoh Akademik yang diterima baru-baru ini.

Terima kasih... itu semua kelebihan daripada Allah s.w.t.. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Pengurusan Universiti atas anugerah ini. Memandangkan Anugerah Tokoh Akademik ini berdasarkan penilaian sepanjang karier dan bukan tahunan semata, maka saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, teman-teman di Penerbit UniSZA, dan sahabat-sahabat di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam yang sentiasa membantu dan bersusah-payah menjayakan gagasan atau misi kita bersama. Juga, terima kasih kepada seluruh warga UniSZA yang selalu memudahkan urusan.

Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang YBhg. Prof. berkhidmat sebagai ahli akademik dan bagaimana YBhg. Prof. menangani cabaran-cabaran tersebut?

Cabarannya tentu banyak. Mungkin saya kongsi cabaran yang rakan-rakan pensyarah boleh mengambil manfaat dan untuk kebaikan universiti. Antara cabaran besar pensyarah kini ialah melestarikan misi asas penubuhan universiti. Universiti ditubuhkan dengan tujuan untuk mengujudkan kebenaran, menyebarkan kebenaran, dan mencabar kebenaran yang

diwujudkan. Dalam kehairahan dengan sesuatu perkara di universiti, kita kadangkala terlalai atau dikesampingkan tujuan asas ini. Ketiga-tiga perkara ini tidak akan tercapai sekiranya kita gagal menjadikan universiti sebagai *neutral territory* iaitu satu taman minda yang bebas daripada perkara yang merosakkan nilai keintelektualan. Dengan kata lain, metodologi kesarjanaan perlu menjadi landasan bagi setiap aktiviti universiti. Ia perlu menjadi budaya universiti. Segala elemen yang boleh melemahkan kekuatan rasional, akal budi dan kebestarian warga menara gading perlu dijauhkan.

Cabaran lain yang kita mesti berhadapan kini ialah memugar nilai kemanusiaan dalam universiti. Universiti merupakan institusi pendidikan dan institusi sosial. Ia merupakan teras dalam membangunkan negara bangsa dan bukannya kilang yang menghasilkan produk tidak berperasaan. Universiti perlu menjadi taman minda yang penuh dengan kegembiraan, kasih sayang dan hormat-menghormati. Oleh itu, elemen-elemen yang perlu berada di universiti tetapi boleh mengganggu pemugaran nilai kemanusiaan hendaklah diurus dengan baik. Katakan KPI, sama ada KPI universiti atau individu. Ia sangat penting untuk menjadi asas sasaran kerja dan penilaian prestasi. KPI adalah sebahagian budaya kerja yang efisien. Namun dalam konteks pendidikan tinggi, bagi saya ia bukan yang pertama. Kalau kita letak ia yang pertama maka nilai kemanusiaan akan hilang secara beransur-ansur. Sedangkan kita hendak menghasilkan manusia yang penuh dengan nilai keinsanan. Kalau begitu apa yang pertama dan utama? Pada saya ialah membuat kebaikan dan memberi manfaat kepada warga universiti dan komuniti dengan ilmu, kepakaran dan apa sahaja yang Tuhan berikan kepada kita. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sebaik-baik manusia adalah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain. Jadi sasaran kita ialah hendak membuat sebanyak mungkin kebaikan kepada manusia, In Sha Allah KPI turut tercapai kerana ia berada di situ. Jika KPI semata-mata diutamakan maka nilai kemanusiaan akan cacat. Mungkin kemenjadian pelajar tidak dipedulikan kerana sibuk dengan sasaran jumlah dana penyelidikan. Kebejatan masyarakat tidak dihiraukan kerana mengejar bilangan artikel jurnal. Lebih mengecewakan lagi jika kita termasuk dalam golongan yang tertipu dengan ilmu. Imam Ghazali di dalam kitabnya *al-Kashf wa al-Tabyin fi Ghurur al-Khalq Ajma'in* telah menghuraikan 15 golongan ilmuwan yang ghurur atau tertipu dengan ilmunya. Pendek kata, utamakanlah berbuat kebaikan kepada manusia sebanyak mungkin dan KPI adalah landasannya. Saya fikir inilah antara cara menangani cabaran dalam pemugaran nilai kemanusiaan di universiti

Bolehkah YBhg. Prof. berkongsi sedikit nasihat kepada yang terlibat dalam bidang ini?

Emm... bukan nasihat, tetapi mungkin satu perkongsian. Pada pandangan saya setiap pensyarah hendaklah membina

Citra Akademia yang mantap. Dalam hal ini, fakulti perlu memainkan peranan dengan menentukan perancangan berjangka masa dan mengadakan program yang boleh membina Citra Akademik. Sesetengah universiti di Malaysia telah pun membina gagasan ini. Saya fikir, pensyarah sedia maklum bahawa amanah tugas mereka meliputi tiga domain, iaitu pengajaran-pembelajaran, penyelidikan-penerbitan, dan komuniti. Soalnya sejauh mana kita menempa Citra Akademia berdasarkan tiga domain amanah tugas ini dengan betul dan berkesan? Jadi pada saya, dan saya selalu sebut kepada rakan-rakan pensyarah, Citra Akademia perlu ditempa dengan tiga elemen iaitu keseimbangan dalam amanah tugas, pengukuhan integriti, dan pembinaan 3R.

Boleh YBhg. Prof. memperincikan tiga elemen tersebut?

Baik, sebelum itu, ketiga-tiga elemen ini saling berkait dalam membentuk citra akademia atau wajah kesarjanaan. Ia tidak boleh dipisahkan. Pertamanya, keseimbangan dalam amanah tugas. Kita kadang-kadang secara keterlaluan tertumpu pada sesuatu perkara sahaja. Contohnya, ada yang *extremely* fokus pada penyelidikan lupa pelajar, pada penerbitan jurnal lupa buku, pada komuniti lupa pengajaran, atau pada penerbitan lupa masyarakat sekeliling. Soal kecenderungan kepada sesuatu perkara itu tidak boleh dinafikan. Mungkin ada yang minatnya lebih kepada menulis buku. Silakan... tetapi sebagai pensyarah, kesemua amanah tugas tersebut mesti dilakukan sebaik mungkin kerana kita berada di institusi pendidikan tinggi dan bukannya syarikat penerbitan. Jadi biarlah seimbang untuk ketiga-tiga domain amanah tugas. Nabi s.a.w. pun bersabda: Sebaik-baik amalan adalah pertengahan. Barulah nampak cantik Citra Akademianya.

Keduanya, pengukuhan integriti yang sering dikaitkan dengan kejujuran dan ketulusan. Kajian “Pelan Pengukuhan Wibawa Integriti dan Profesionalisme Akademik” menunjukkan usaha mempromosi integriti akademik dalam kalangan pensyarah tidak mencukupi kerana kempennya tertumpu pada soal pengurusan dan pentadbiran universiti semata. Padahal ia merupakan elemen penting yang perlu ada dalam ketiga-tiga domain amanah tugas pensyarah. Tanpa integriti, nilai keintelektualan akan diperlekehkan oleh umum dan Citra Akademik dianggap palsu. Bahasa mudah kita hendak melihat sarjana berilmu dan berakhlak.

Ketiganya, pembinaan 3R: *Relevant, Referred, Respected*. Ada idea supaya prestasi universiti diukur berdasarkan 3R iaitu relevan, dirujuk dan dihormati. Seperti kita tahu “*no man is an island*”. Kita tidak boleh jadi sarjana tanpa orang lain. Kesarjanaan kita perlu berhubung dan dinilai oleh pelbagai pihak. Oleh itu, penilaian dan kualiti akademia akan menjadi tinggi apabila pengajaran-penyelidikan, penyelidikan-penerbitan, dan khidmat komuniti pensyarah sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati oleh rakan-rakan bidang dan masyarakat awam. Kalau hasil penerbitan kita dirujuk, tetapi pengajaran kita tidak relevan atau komuniti tidak dapat mengambil manfaat daripada kita, maka ini bukan wajah sarjana yang baik. Sebenarnya UniSZA telah pun menggagas elemen ini melalui konsep ‘kejauharian’ beberapa tahun yang lepas. Dalam universiti, elak dari sindrom *burn out* dengan usaha untuk kekal relevan, dirujuk dan dihormati.

Sepanjang keterlibatan YBhg. Prof. dalam kerjaya akademik, apakah inovasi yang telah dilakukan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran yang telah meninggalkan impak yang besar kepada sistem pendidikan?

Pengalaman terlibat dengan projek di Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia banyak memberi saya idea dalam menginovasi PdP di UniSZA, terutamanya dalam penghasilan bahan. Saya bermula pada tahun 2010 dengan pensyarah-pensyarah muda di Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Kami menumpukan kursus-kursus universiti. Mereka dibimbing untuk menghasilkan buku PdP secara betul, sistematik, berstruktur dan holistik. Buku yang mereka hasilkan mengambil kira aspek pedagogi, psikologi dan teknologi. Nilai-nilai murni diterapkan ke dalam *content* dan ada buku yang menggunakan multimedia. Pengalaman dan pengetahuan ini dikongsikan kepada beberapa fakulti lain. Selepas itu, semakin banyak buku PdP yang berkualiti dan bersepadu dihasilkan oleh fakulti-fakulti berkenaan. Saya dapat tahu ada universiti luar negara yang membeli set buku-buku tersebut.

Kalau di ruang yang lebih besar lagi, saya berpeluang menyumbang bidang kepakaran saya dalam pembinaan Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Arab KSSM. Saya membantu dan memberi konsultasi dalam pemurnian kurikulum terutama pada bahagian pembelajaran bahasa yang berkaitan dengan strategi dan teknik belajar. Elemen ini diwujudkan dalam bahan PdP dan prosesnya. Juga saya diminta untuk berkongsi dengan jawatankuasa pembangunan kurikulum bagaimana untuk mengajar strategi belajar bahasa. Harapnya selepas ini pembelajaran bahasa Arab di Malaysia akan menjadi lebih mudah, berkesan, dan menyeronokkan. Cabaran pasti ada, terutama pada guru, bagaimana mereka hendak menerap dan mengajar strategi belajar bahasa.

Usaha peningkatan kualiti PdP melalui penyelidikan dan penerbitan merupakan asas kepada seseorang ahli akademik. Bagaimanakah proses ini dapat digapai dan mencapai sasaran yang mampu menyumbang ke arah kecemerlangan?

Di sini sekali lagi kita melihat domain amanah tugas kepensyarahan itu perlu dilakukan dengan seimbang kerana ia saling berkait. Kita menyelidik... kita menerbit... untuk meningkatkan kualiti PdP dan begitulah sebaliknya.

Barulah kita kekal relevan, dirujuk dan dihormati. Itulah sepatutnya. Adalah tidak bagus bagi seorang pensyarah mengajar perkara lain, menyelidik perkara lain, dan menerbit pun tentang perkara lain. Apakah bentuk wajah atau citra akademik sedemikian? Saya bercakap mengikut soalan dan dalam konteks PdP. Soal merentasi bidang dalam penyelidikan adalah satu perkara yang lain. Oleh itu, ahli akademik sebaiknya menjalankan penyelidikan dan menerbit dalam bidang kepakaran yang berkaitan dengan PdP masing-masing. Hasilnya, bidang ilmu kita akan sentiasa mendapat input baharu dan semasa. Sekali gus, bahan PdP kita akan sentiasa dikemas kini. Ya... itulah yang sepatutnya. Kalau ditanya bagaimana nak capai? Saya kira semua pensyarah mengetahuinya seperti melalui grup kluster penyelidikan dan SIG. Tinggal lagi perlu mendisiplinkan kumpulan supaya fokus kepada penyelidikan bidang tujuhan. Itu yang payah kerana kadang-kadang sasaran kita ialah memperoleh dana penyelidikan semata-mata tanpa difikirkan apakah sumbangannya kepada bidang. Kajian tindakan juga merupakan pendekatan yang sangat berkesan dalam meningkatkan kualiti PdP kerana ia sememangnya berurusan dengan kursus pengajaran. Sekarang jurnal yang fokusnya kepada hasil kajian tindakan semakin banyak. Ini adalah peluang yang baik. Jadi untuk tujuan peningkatan kualiti PdP melalui penyelidikan dan penerbitan, pihak universiti perlu memperuntukkan dana yang munasabah untuk kajian tindakan.

Adakah YBhg. Prof. menetapkan sebarang matlamat untuk mencapai sesuatu kejayaan sebagai seorang yang memenangi anugerah ini?

Oh saya perlu berhati-hati menjawab soalan ini. Kalau dikaitkan dengan anugerah maka ia bukan matlamat saya. Kalau sebagai akademia, jawapannya ya... saya ada matlamat untuk merasai kejayaan. Seperti yang saya sebut di awal tadi, sebaiknya matlamat kita ialah hendak membuat kebaikan kepada manusia melalui perkongsian ilmu dan pengalaman yang sedikit ini. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sebaik-baik manusia adalah mereka yang belajar al-Quran dan mengajarnya kepada orang lain. Jadi, sekali lagi kita dapati orang yang bagus dan berjaya ialah mereka yang membuat kebaikan dan memberi manfaat kepada orang lain. Dalam konteks UniSZA, ia adalah misi wajib kerana motto kita 'ilmu demi faedah insan'. Itu pertama. Keduanya, hadis ini menerapkan konsep *sharing* atau perkongsian, belajar dan mengajar. Oleh itu, pensyarah bukan sahaja memberi, malah ia wajib menerima daripada masyarakat. Uniknyanya konsep perkongsian ilmu dan pengalaman ini ialah kita akan bersikap rendah diri kerana menyedari tepatnya Firman Allah s.w.t. bermaksud: Dan di atas setiap orang yang mempunyai ilmu terdapat mereka yang lebih berilmu. In shallah kita akan rasa puas apabila dapat membuat kebaikan kepada orang lain dan kita sedar banyak lagi yang kita tidak tahu. Tambahan pula Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Ali r.a.: Demi Allah, sesungguhnya Allah memberi petunjuk kepada seorang lelaki dengan sebab kamu adalah lebih baik bagi kamu daripada seratus ekor unta. Inilah matlamat untuk mencipta kejayaan di dunia dan akhirat.



Suburkan Budaya Intelektual di Kampus

Mohd Ridhuan Tee Abdullah, PhD.
Emel: ridhuante@uniswa.edu.my

Kenyataan Menteri Pendidikan baharu, YAB Dr. Maszlee Malik amat mengujakan berikutan semua Universiti Awam (UA) kini bebas menganjurkan program ilmiah seperti debat, forum dan wacana intelek seperti amalan di universiti terkemuka dunia yang lain (Berita Harian, 6 Jun 2018). Arahan ini berkuat kuasa serta-merta dan semua pentadbir UA diminta menyahut seruan tersebut berasaskan semangat menjadikan universiti sebagai medan percambahan ilmu.



Ia amat signifikan dalam konteks inspirasi mahasiswa yang mahu melihat universiti bebas daripada sebarang kekangan terutama dalam hal berkaitan percambahan idea dan perkongsian khazanah intelektual. Beliau juga menyarankan UA agar tidak meletakkan palang di pintu utama bagi membolehkan kemasukan kenderaan awam dan masyarakat setempat seperti amalan sebelum ini bagi mewujudkan persekitaran mesra ilmu.

Beliau menegaskan, tindakan akan dikenakan terhadap pengurusan UA jika saranan ini tidak dilaksanakan. Berdasarkan tindakan ini, ucapan tahniah boleh diberikan kepada beliau kerana berusaha membebaskan universiti daripada politik dan dipolitikkan bagi kepentingan sesetengah pihak yang berlaku selama ini.

Berkaitan perkara yang sama, pada 4 Jun 2018, pandangan bahawa AUKU tidak perlu dimansuh, tetapi perlu dilakukan penambahbaikan telah diutarakan oleh penulis ketika menghadiri Forum dan Sesi Perbincangan Berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) sebagai Ahli Majlis Kongress Kesatuan Akademik Malaysia (MAAC), di Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Putrajaya. Pada masa tersebut, semua pucuk pimpinan UA hadir seperti Timbalan Naib Canselor Akademik dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar serta wakil majlis perwakilan mahasiswa.

Lanjutan daripada perkara di atas, penulis melontar idea bahawa undang-undang perlu diwujudkan untuk mengatur tatacara kehidupan manusia. Jika sebaliknya, manusia akan hidup seperti haiwan. Misalnya, tindakan memansuhkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar hanya akan merugikan mahasiswa dan tiada lagi yang berperanan untuk memberi tunjuk ajar dan membimbing mereka menjadi lebih matang dan berdaya saing.

Namun, AUKU sedia ada sering kali disalahgunakan oleh pentadbir universiti apabila berhadapan dengan tekanan politik dari luar. Lebih malang lagi, ada segelintir dalam pentadbir UA bertindak berlebihan sehingga menampakkan mereka lebih politik daripada orang politik. Kata yang lain, lebih berparti daripada parti politik itu sendiri.

Mereka seolah-olah telah diprogramkan untuk melaksanakan arahan politik kepartian menteri berkaitan. Situasi ini boleh membawa kepada gejala seterusnya iaitu membodek menteri. Apabila menteri 'terbatuk', maka mereka akan 'batuk' lebih daripada menteri berkenaan. Mereka akan bertungkus-lumus menghurungi menteri berkaitan ke mana-mana sahaja beliau pergi dan akan membawa pelajar bersama untuk membodeknya demi mengekalkan kuasa. Akibatnya, institusi akademik dipolitikkan dan ia merupakan budaya yang tidak sihat yang telah lama berlaku. Akhirnya, budaya intelektual terencat dan mandul bagi melahirkan modal insan yang berkarisma.

Maka, sudah tiba masanya budaya intelektual disuburkan seperti arahan menteri baharu. Bebaskan institusi pengajian tinggi daripada pengaruh politik yang boleh merosakkan budaya intelektual. Hasrat ini terpancar berikutan pasca PRU 14 yang menyaksikan bahawa budaya membodek dan mengampu tidak lagi relevan dalam dunia akademik. Semua pihak perlu bersikap terbuka kerana era ini telah memasuki satu fasa dunia tanpa sempadan. Buktinya, maklumat boleh diakses dengan begitu pantas dan segala buah fikiran tetap mengalir dan mampu diperoleh dengan kecanggihan teknologi hari ini melalui hujung jari sahaja.

Maksudnya, dalam dunia langit terbuka, semakin banyak yang dicari, kian banyak yang boleh diketahui. Ibarat memerah kelapa parut untuk mendapatkan santan. Semakin kuat diperah, semakin banyak santan yang akan keluar dari celah-celah jari.

Justeru, pengajaran perlu diambil daripada PRU 12 yang diistilahkan sebagai tsunami politik. Kerajaan ketika itu tidak dapat lagi dua pertiga majoriti di Parlimen. Ia berlaku kerana masyarakat telah memasuki satu zaman, iaitu zaman langit terbuka dengan penggunaan teknologi maklumat yang begitu meluas. Tsunami politik berlaku kerana maklumat tidak lagi bergantung kepada siaran radio dan televisyen. Malah, ia melangkah lebih jauh melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApps, Twitter dan banyak lagi aplikasi media sosial yang menunjukkan pengaruh yang amat luar biasa.

Pengalaman berhadapan dengan mahasiswa di beberapa UA terutamanya di UniSZA bukan seperti yang disangka, boleh diperlakukan seperti lembu dicucuk hidung. Nyata sekali mereka begitu matang. Sudah dapat berfikir dengan baik dan rasional yang boleh membezakan mana baik mana yang buruk. Oleh sebab itu, mereka digelar mahasiswa, bukan pelajar sekolah.

Seseorang yang bergelar mahasiswa perlulah didedahkan dengan budaya ilmu atau budaya intelektual yang sebenar agar mereka menjiwai erti mahasiswa. Mahasiswa merupakan gabungan dua suku kata iaitu, maha dan siswa. 'Maha' membawa maksud impak ketinggian, kebesaran, dan keagungan kepada kata siswa yang bermaksud pelajar. Justeru, mahasiswa seharusnya mempunyai nilai tambah yang membezakannya dengan pelajar sekolah. Budaya ilmu atau intelektual mesti dihidupkan di institusi pengajian tinggi seperti UniSZA.

Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1997), budaya ilmu atau intelektual adalah mewujudkan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan dalam setiap kesempatan. Budaya ilmu juga merujuk kepada mewujudkan satu peskitaran iaitu segala tindakan manusia baik di tahap individu atau masyarakat, diputuskan dan dilaksanakan bersandarkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pengkajian mahupun persefahaman. Ilmu dianggap sebagai satu keutamaan tertinggi dalam sistem



nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat. Tahap pembacaan yang luas dan menyeluruh ialah kayu ukur atau indikator betapa budaya ilmu telah berjaya dilaksanakan atau masih dalam proses pelaksanaan.

Kepentingan budaya ilmu turut dibahaskan secara serius oleh Drucker (1999) yang menjelaskan bahawa ilmu menjadi tunggak kepada penguasaan bidang ekonomi. Beliau turut menyatakan bahawa kumpulan sosial yang paling utama dan dominan pada zaman akan datang ialah pekerja dan eksekutif yang mempunyai ilmu pengetahuan dan tahu menggunakan ilmu untuk melahirkan suatu kerja yang produktif.

Sebelum ini Kennedy (2004) menganalisis mengenai kebangkitan dan kejatuhan kuasa-kuasa dan bangsa-bangsa besar dunia. Beliau menyimpulkan bahawa faktor penting yang menentukan kebangkitan dan kejatuhan kuasa-kuasa besar ini ialah sikap bangsa tersebut terhadap ilmu dan penghayatan budaya ilmu.

Hasil daripada perbincangan di atas, maka sudah tiba masanya semua pihak menyahut seruan Menteri Pendidikan, iaitu untuk menghidupkan kembali budaya intelektual sama ada di dalam mahupun luar kampus agar rakyat negara ini memiliki peradaban yang tinggi. Sejarah membuktikan bahawa sesebuah peradaban suatu bangsa ditentukan oleh para intelektual. Semakin banyak golongan intelektual, semakin berkembang sesebuah peradaban tersebut. Hal ini kerana, seorang intelektual bukan hanya membaca, menulis dan berdiskusi, akan tetapi mampu memberikan konsep ideal permasalahan yang ada untuk kemaslahatan ummah.

Seiring dengan berjalannya waktu ini, hentikanlah budaya mengampu dan membodek yang boleh membantutkan budaya intelektual. Banteras sikap apatik yang keterlaluan. Jangan rendahkan martabat akademia. Akademia mesti menjalankan kerjanya dengan penuh integriti. Jangan lagi sibuk untuk mengekalkan kedudukan dan habuan tanpa mempedulikan sama ada mereka tertindas atau ditindas.

Tegasnya, semua ini harus dimulakan dengan program ilmiah seperti debat, forum dan wacana intelek seperti amalan di universiti terkemuka dunia yang lain tanpa mengira latar belakang mereka sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Rujukan

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Berita Harian 6 Jun 2018.

Drucker, Peter F. 1999. *Post-Capital Society*. Oxford: Butterworth-Heinemann

Kennedy, Paul. 2004. *The Rise and Fall of the Great Powers: Economic Change and Military Conflict from 1500-2000*. New York NY: Random House.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kepentingan Tumbuhan Bakau di Kawasan Paya Laut Pantai Timur Semenanjung Malaysia

Saiful Iskandar Khalit, PhD.
Emel: saifuliskandar@unisza.edu.my



Kejadian tsunami pada Disember 2004 telah memberi impak besar pada pesisiran pantai Malaysia yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda serta ekologi paya bakau. Kemusnahan bakau di hutan paya laut, khususnya kawasan muara sungai memberi impak kepada alam sekitar dan menjejaskan ekosistemnya.

Oleh yang demikian, Majlis Biodiversiti-Bioteknologi Negara (MBBN) Ke-4 pada 13 Januari 2005 telah memutuskan agar Kerajaan Negeri dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) mengambil inisiatif untuk memelihara dan memulihara ekosistem Hutan Paya Laut. Sehubungan dengan itu, NRE menubuhkan Pasukan Petugas Khas Jawatankuasa Operasi Menanam Pokok-pokok Bakau dan Spesis-spesis yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara pada 7 Februari 2005.

Matlamat program tersebut adalah untuk memulihara pesisiran pantai; mewujudkan zon penampungan; memelihara dan memulihara habitat pesisiran pantai; dan meningkatkan kualiti serta nilai estetika persekitaran. Salah satu Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk di bawah Pasukan Petugas tersebut iaitu Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyelidikan dan Pembangunan (JTR&D) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Kewujudan pokok bakau di hutan paya laut merupakan salah satu komponen ekosistem semula jadi yang penting kepada alam sekitar. Kawasan hutan paya laut ini, biasanya terletak di hilir dan muara sungai serta di tepian pantai dan laut. Ekosistem paya laut yang unik ini bertindak sebagai penimbal (buffer) yang baik dalam mengekalkan aras air laut dan memberi perlindungan kepada pantai.

Pokok bakau terkenal dengan ciri-ciri yang unik dan sangat produktif. Ia mempunyai keupayaan yang menarik kerana mampu hidup di kawasan kepekatan air masin yang tinggi yang tidak ada pada pokok lain. Akarnya yang kuat dan tinggi membolehkan pokok bakau mampu bertahan dengan pukulan ombak yang dipengaruhi oleh pasang surut air laut.

Menurut Tomlinson (1986), beberapa kriteria diperlukan bagi terma sephohon 'bakau yang sejati'. Antaranya ialah kesesuaian dengan persekitaran paya laut sebagai fungsi utama dalam komuniti dan mempunyai kebolehan tersendiri, pengkhususan morfologi dan fisiologi bagi penyesuaian habitat, dan pemencilan taksonomi daripada *relative terrestrial*.

Oleh itu, bakau dikelaskan kepada tumbuhan bukan-taksonomi, iaitu merujuk kepada kebolehan tumbuhan ini yang mampu menyesuaikan diri dalam habitat yang lembab dan masin. Walaupun pokok bakau mempunyai kelebihannya tersendiri, tumbuhan ini juga mengalami ancaman.

Secara umumnya, sistem kawasan hutan paya laut menerima pelbagai pencemaran dan hal ini boleh menjejaskan ekosistemnya, di samping menjadi tenggelaman pencemar yang terbesar pada dekad kini (Sandilyan et al. 2014). Antara penyebab berlakunya pencemaran pada kawasan hutan paya laut ialah kemusnahan hutan (Elster 2000; Zhou et al. 2010), aktiviti manusia seperti akuakultur dan agrikultur (Kamaruzzaman et al. 2011; Suratman et al. 2016), pembangunan industri (Tam et al. 1995; Sandilyan et al. 2014). Ironinya, menurut Sandilyan et al. (2014), logam berat merupakan salah satu kompaun antropogenik toksik





yang tinggi di kawasan hutan paya laut dan peningkatan ini terjadi daripada pelbagai punca.

Bahan-bahan pencemar yang memasuki kawasan muara hutan paya bakau kebiasaannya mengandungi logam berat yang memudaratkan ekosistem. Logam berat terlarut dalam air sungai di muara merupakan signifikan kepada ekologi dan ia tidak dapat dinyahkan secara terus dan tersendiri. Logam berat ini ditumpukkan/dikumpulkan (accumulate) di dalam takungan alam sekitar melalui rantai makanan.

Menurut Ong dan Kamaruzzaman (2009), tahap pertambahan logam berat dalam takungan ini ditentukan melalui nilai kepekatan yang termendap di dalam sedimen. Sedimen di kawasan muara hutan paya laut ini mempunyai ciri yang unik kerana ia menyimpan rekod sejarah dan informasi tentang aktiviti-aktiviti pencemaran yang berlaku dari hulu sungai dan dibawa ke hilir sungai berbanding perubahan masa (Kamaruzzaman et al. 2008).

Kebolehan semula jadi pokok bakau menyerap kepekatan logam berat pada air dan sedimen merupakan kebolehan yang sangat berguna kepada alam sekitar. Logam berat yang disedut melalui akar akan disintesis dan dibebaskan melalui daun (Macfarlane et al. 2007).

Walau bagaimanapun, kepekatan logam berat yang berlebihan yang diserap ke dalam pokok bakau dapat membantutkan pertumbuhan pokok bakau berbanding jenis pokok yang lain di hutan paya laut (Macfarlane et al. 2007; Sandilyan et al. 2014). Logam berat bukan sahaja memberi impak yang besar terhadap taburan pokok bakau di hutan paya laut, malah turut memberi kesan kepada ekosistem yang lain dan memberi ancaman kepada kesihatan organisma.

Beberapa langkah perlu diberi perhatian bagi memastikan pokok bakau perlu dikekalkan daripada semakin berkurangan dan musnah. Salah satu caranya ialah penanaman semula pokok bakau. Terdapat beberapa faktor utama yang perlu dititikberatkan dalam proses penanaman semula. Menurut Elster (2000), faktor yang perlu diberi perhatian ialah dongakkan tanah dan

regim kebanjiran, hidrologi umum di kawasan penanaman, tenaga ombak dan pasang surut, air larian air tawar dan air masin, kesediaan benih bakau secara semulajadi, teknik penjagaan pokok dan pemeriksaan, serta jumlah kos pada pemulihan pokok bakau.

Pada tahun 2013, Jabatan Hutan Malaysia telah melancarkan Program Penanaman Semula Pokok Bakau dan Spesis-spesi yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara. Antara objektifnya adalah untuk memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semula jadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah, mewujudkan zon penampan bagi menahan kekuatan ombak, angin kencang dan mencegah pencemaran alam sekitar, memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaian biologi dan memperkayakan sumber hasil pantai, serta meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong.

Walau bagaimanapun, kajian hubungan penanaman semula pokok bakau dengan daya tahan pokok bakau terhadap logam berat masih belum dilakukan oleh agensi kerajaan dan NGO. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan dan salah satu keputusan daripada hasil kajian tersebut diharap dapat membantu agensi kerajaan dalam menambah baik program penanaman semula pokok bakau dengan pemulihan pokok bakau yang sesuai dan mempunyai daya tahan terhadap logam berat.

Oleh yang demikian, pada tahun 2017, melalui geran penyelidikan daripada Forest Research Institute Malaysia FRIM, UniSZA telah melakukan aktiviti pengumpulan data dan kajian berkaitan spesis bakau serta kemampuannya dalam menyerap pengaruh logam berat yang terdapat di kawasan hutan paya laut. Persampelan dijalankan semasa musim kering (dry season), pertukaran musim (inter-monsoon season) dan musim basah (wet season). Pemilihan kawasan dan plot dijalankan di dua kawasan berbeza di pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu di kawasan penanaman semula bakau dan hutan paya laut semula jadi sebagai kawasan kawalan. Sungai Semerak di Pasir Puteh, Kelantan telah dipilih sebagai plot kajian kawasan kawalan manakala Sungai Setiu di Pengkalan Gelap, Terengganu telah dipilih sebagai plot kajian kawasan penanaman semula.



Faktor plot kawalan dan tidak kawalan diperincikan dan terbahagi kepada dua iaitu aktiviti guna tanah dan aktiviti manusia. Spesis bakau yang dipilih ialah jenis Bakau Api-api (*Avicennia marina*) dan Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*). Di samping itu juga, sampel air, akar, batang dan daun pokok serta sedimen dianalisis logam beratnya melalui kaedah bom pencernaan asid, seterusnya, menggunakan Inductive Couple Plasma – Atomic Emission Spectrometry (ICP-OES). Perisian XL-Stats digunakan untuk menganalisa data primer dan sekunder melalui analisa statistik multivarian.

Kajian ini masih berlangsung dan hasil kajian nanti dijangka dapat mengumpul pangkalan data berkaitan logam berat pada jenis pokok bakau yang berbeza sekali gus dapat membantu dalam pemilihan spesis bakau yang sesuai iaitu aspek bioketumpukan akan ditekankan. Selain itu, trend perubahan logam berat yang ditumpukkan dari permukaan air sungai ke tanah seterusnya penyerapan ke bahagian pokok bermula dari akar, batang serta daun. Pada masa yang sama, pemetaan faktor kepekatan logam berat di kawasan bakau akan diperoleh menerusi kajian ini.

Signifikansi kajian ini ialah teknik penanaman semula bakau dengan mengambil kira penekanan terhadap ciri-ciri jenis pokok bakau yang mempunyai daya tahan terhadap logam berat sebelum merangka pelan penanaman semula pokok bakau. Justeru, ia diharap dapat membantu Jabatan Perhutanan dalam pemilihan pokok yang sesuai bagi program penanaman bakau.



Impak Kepada Masyarakat, Ekonomi dan Negara

Umum mengetahui bahawa tumbuhan bakau mempunyai pelbagai fungsi terutamanya kestabilan terhadap ekosistem di sekelilingnya. Hal ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat yang kehidupan mereka bergantung kepada hasil akuatik. Hutan bakau akan menjadi kawasan perlindungan kepada hidupan akuatik seperti ketam dan ikan daripada pemangsa. Oleh itu, proses pembiakan tidak akan terganggu dan rantai makanan di dalam ekosistem tersebut akan stabil. Bakau juga menyumbang kepada industri penternakan ikan dalam sangkar kerana sumber air yang bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran akan memberikan hasil ternakan yang berkualiti.

Selain itu juga, hutan paya bakau dapat menjadi proses penambakan semula jadi kepada hakisan ekoran daripada kejadian pasang surut air dan mampu mengatasi masalah kenaikan aras laut global. Ia akan berperanan dalam memerangkap mendapan. Tanah dan lumpur yang terhakis akan diserap oleh akar pokok bakau tersebut. Hutan paya bakau juga boleh dijadikan sempadan pemisah antara kawasan laut dengan daratan. Sistem akar pokok bakau akan menyerap tenaga ombak dan mampu mencegah masalah hakisan pantai.

Hutan paya bakau juga menyumbang kepada sosioekonomi malahan mungkin menjadi industri terbaik jika

dusahakan dengan perancangan yang sistematik dan pengurusan yang mapan. Hal ini kerana, pokok bakau boleh dijadikan kayu dan arang. Sifat pokok bakau yang tahan lasak daripada serangga seperti anai-anai dan mampu bertahan di dalam air dalam tempoh yang lama sesuai dijadikan bahan untuk pembinaan dan pembuatan bot. Terdapat satu spesies iaitu *Rhizophora Apiculata* atau spesies bakau minyak menjadi bahan utama dalam industri pembuatan arang. Kecantikan kawasan hutan paya bakau juga turut menyumbang kepada industri ekopelancongan. Habitat haiwan yang unik seperti kelip-kelip mampu menarik minat pelancong untuk berkunjung. Melalui aktiviti ini, sekali gus akan menyumbang kepada pendapatan negara.

Rujukan

- Agoramoorthy, G., Chen, F., Hsu, M. J. 2008. Threat of heavy metal pollution in halophytic and mangroves plants of Tamil Nadu, India. *Environmental Pollution*: 320-326.
- Elster, C. 2000. Reasons for reforestation success and failure with three mangrove species in Colombia. *Forest Ecology and Management*. 131: 201-214.
- Kamaruzzaman B. Y., Ong M. C., Noor Azhar, M. S., Shahbudin, S., Jalal, K. C. A. 2008. Geochemistry of sediment in major estuarine mangrove forest of Terengganu region, Malaysia. *American Journal of Applied Sciences* 5 (12): 1707-1712.
- Kamaruzzaman B. Y., Rina Sharlinda, M. Z., Akbar John. B., Siti Waznah. A. 2011. Accumulation and distribution of lead and copper in *avicennia marina* and *rizhophora apiculata* from balok mangrove forest, Pahang, Malaysia. *Sains Malaysiana*. 40(6): 555-560.
- Looi, L. J., Aris, A. Z., Yusoff, D. M. 2014. Metal concentration (Co, Ni, Pb, Zn) in the estuarine and coastal waters from western parts of the Johor Straits. *Malayan Nature Journal* 66 (1 and 2): 94-107.
- MacFarlane G. R., Koller C. E., Blomberg. S. P. 2007. Accumulation and partitioning of heavy metals in mangroves: A synthesis of field-based studies. *Chemosphere* 69: 1454-1464.
- Ong, M. C. and Kamaruzzaman, B. Y. 2009. An assessment of metals (Pb and Cu) contamination in bottom sediment from South China Sea Coastal Waters, Malaysia. *American Journal of Applied Sciences* 6 (7): 1418-1423.
- Sandilyan. S. and Khatiresan. K. 2014. Decline of mangrove – A threat of heavy metal poisoning in Asia. *Ocean & Coastal Management*. 102: 161-168.
- Suratman, S., Hussein, A. N. A. R., Latiff, M. T., Weston, K. 2014. Reassessment of physico-chemical water quality in Setiu Wetland, Malaysia. *Sains Malaysiana* 43(8): 1127-1131.
- Tomlinson, P. B. 1986. *The Botany of Mangroves*. Cambridge: Cambridge University Press.



Bersama Menjaga Kebajikan Haiwan

Siti Mariam Zainal Ariffin, PhD.
Emel: sitimariam@unisza.edu.my

Haiwan dirujuk sebagai makhluk hidup selain manusia. Secara umum, haiwan boleh dikategorikan dalam pelbagai kelompok. Sebagai contohnya haiwan jinak, haiwan ternakan dan haiwan liar (Driscoll et al. 2009). Haiwan sangat bermanfaat dan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menyatakan bahawa manusia bergantung kepada produk haiwan sebagai sumber protein yang utama. Sektor penternakan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi tempatan. Selain itu, haiwan juga dijadikan sebagai haiwan peliharaan.

Kebajikan haiwan merujuk pada keprihatinan

manusia terhadap kesejahteraan dan hak asasi haiwan (Hewson 2003). Haiwan merupakan salah satu makhluk ciptaan Tuhan. Perbezaan antara manusia dengan haiwan ialah manusia dianugerahkan akal dan keupayaan untuk berfikir secara waras. Justeru, manusia mesti menggunakan kelebihan tersebut untuk kebaikan sejagat. Menurut Proctor (2012), sepertimana manusia, haiwan mempunyai perasaan seperti gembira, sedih, gementar dan takut. Haiwan juga tidak terkecuali merasai kesakitan kerana ia mempunyai sistem saraf yang boleh merasai kesakitan (Akhtar 2011; Proctor et al. 2013). Kenyataan akhbar UK Farm Animal Welfare Council pada tahun 1979 menyatakan kebajikan haiwan hanya digarap apabila lima aspek kebebasan asas dipenuhi. Secara asas, lima aspek kebebasan ini dijadikan kayu ukur bagi memastikan kebajikan haiwan sentiasa terpelihara. Kebebasan itu merangkumi bebas daripada lapar dan dahaga; bebas daripada ketidakselesaan; bebas daripada kesakitan, kecederaan atau penyakit; bebas untuk mempamerkan kelakuan normal atau tingkah laku lazim; dan bebas daripada ketakutan.



Haiwan peliharaan atau ternakan mesti diberi makanan mengikut keperluan. Air yang bersih juga perlu diberikan setiap masa. Hal ini bagi mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan haiwan. Pemilik haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing perlulah memastikan haiwan tersebut berada dalam keadaan baik. Mench (1998), dalam laporannya menyeru pemilik haiwan supaya menyediakan ruang yang mencukupi, fasiliti yang sesuai serta teman daripada spesis yang sama. Selain itu, pemilik perlu memastikan keadaan persekitaran selamat bagi mengelakkan sebarang tekanan mental terhadap haiwan (Glyzer et al. 2002).



Ilmu tentang asas penjagaan haiwan peliharaan juga perlu dititikberatkan bagi mengelakkan daripada berlakunya penganiayaan.

Menurut Husu-Kallio (2008), pemilik haiwan wajar mendapatkan pemeriksaan kesihatan berkala dan rawatan bagi haiwan peliharaan atau ternakan yang sakit. Setiap pemilik perlu bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesihatan haiwan peliharaan masing-masing. Perkara asas penjagaan dan kesihatan seperti menyahcacing, menyahkutu dan vaksinasi untuk memastikan kesihatan haiwan berada pada tahap optimum. Vaksin boleh melindungi haiwan daripada dijangkiti virus dan bakteria berbahaya (Pastoret & Jones 2004).

Penganiayaan dan Penderaan Haiwan

Kesedaran menjaga kebajikan haiwan masih rendah dalam kalangan segelintir masyarakat di Malaysia. Kurangnya kesedaran terhadap kebajikan haiwan menjadi faktor utama berlakunya penganiayaan dan penderaan haiwan yang dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja sehingga menyebabkan kesengsaraan dan kecederaan kepada haiwan (Rahman et al. 2005). Secara umum, penganiayaan dan penderaan haiwan boleh dikategorikan kepada dua iaitu; pengabaian haiwan dan melakukan kekejaman dengan niat (Mogbo et al. 2013). Kes-kes pengabaian haiwan yang kerap berlaku adalah membiarkan haiwan peliharaan kelaparan, dahaga dan sakit sehingga menyebabkan kematian jika tidak dirawat. Selain



itu, membiarkan haiwan ternakan berkeliaran tanpa kawalan juga merupakan satu bentuk penganiayaan dan boleh mengancam keselamatan awam. Haiwan ternakan yang berkeliaran terdedah kepada bahaya seperti risiko dilanggar oleh kenderaan (Rytwinski et al. 2016). Begitu juga dengan orang awam berdepan risiko kemalangan disebabkan ternakan yang tiba-tiba melintas atau berada di atas jalan raya. Melakukan kekejaman terhadap haiwan dengan niat seperti mendera, melukakan dan mencederakan haiwan (Mogbo et al. 2013) juga tidak

boleh dilakukan. Masyarakat juga tidak boleh membunuh haiwan tanpa sebab selain dibolehkan seperti ibadat dan tujuan pemakanan.

Penerapan nilai kebajikan haiwan perlu dilakukan secara berterusan, dijayakan dengan penglibatan semua pihak, sistem perundangan yang adil serta dibudayakan dalam masyarakat. Menurut Ascione & Shapiro (2009), antara usaha awal yang boleh dilakukan adalah dengan memupuk kesedaran tentang pentingnya menjaga kebajikan haiwan kepada anak-anak sejak kecil. Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak, agar mereka sedar tentang pentingnya berbuat baik kepada haiwan. Pendidikan awal tentang kebajikan haiwan dalam sukatan pelajaran di sekolah juga boleh memupuk ke arah sifat bertanggungjawab dalam kalangan pelajar terhadap haiwan (Hawkins & Williams 2017).

Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012-2020 yang telah dilancarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dilihat sebagai usaha murni kerajaan dalam menangani masalah berkaitan kebajikan haiwan secara holistik dan komprehensif. Pihak yang bertanggungjawab seperti jabatan kerajaan, kerajaan tempatan, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta media massa perlu menjalankan kempen yang berkesan agar nilai kebajikan haiwan dapat diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, UniSZA dengan kerjasama *Animal Livestock Production and Health Association* (ALPHA) telah mengambil inisiatif mengadakan program *Animal Welfare Awareness* bertempat di Sekolah Kebangsaan Tembila pada 14 April. Ia sebagai contoh terhadap kempen kesedaran kepada masyarakat setempat. Antara pengisian program ini ialah ceramah tentang kepentingan menjaga kebajikan haiwan oleh Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Haiwan, Dr. Siti Mariam Zainal Ariffin diikuti dengan pelbagai aktiviti bagi memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Akta Kebajikan Haiwan Akta 772 (2015) telah dilaksanakan pada 1 Jun 2017 bagi meningkatkan kuasa undang-undang dengan lebih menyeluruh merangkumi pelbagai aspek penjagaan dan perlindungan haiwan. Perbuatan

menzalimi haiwan merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 44(1) yang boleh membawa hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 hingga maksimum RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Adanya undang-undang yang lebih berat ini, maka diharap kes-kes penganiayaan haiwan dapat dikurangkan di negara kita.

Kesimpulannya, menjaga kebajikan haiwan ialah tanggungjawab bersama. Sebagaimana kita dituntut untuk berbuat baik kepada sesama insan, begitu juga kepada makhluk lain seperti haiwan.

Rujukan

- Akhtar, S. 2011. Animal welfare and animal pain: can pain sometimes be worse for them than for us? In Tom, B. & Frey, R.G. (Eds.). *The Oxford Handbook on Ethics and Animal*. USA: Oxford University Press.
- Akta Kebajikan Haiwan Act 772. 2015. Dirujuk dari http://www.mvc.gov.my/v2/doc_downloads/AnimalWelfareAct_AKTA%20772_BM_akta%20772-BM.pdf [5 Julai 2018].
- Ascione, F.R. & Shapiro, K. 2009. People and animals, kindness and cruelty: Research directions and policy implications. *Journal of Social Issues*, 65(3): 569-587.
- Driscoll, C.A., Macdonald, D.W. and J. O'Brien, S. 2009. From wild animals to domestic pets, an evolutionary view of domestication. *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*, 106(1): 9971-9978.
- Farm Animal Welfare Council Press Statement. 1979. UK Farm Animal Welfare Council.
- Gleyzer, R., Felthous, A.R. & Holzer, C.E. 2002. Animal cruelty and psychiatric disorders. *Acta Veterinaria Scandinavica*. 50(1): S2.
- Hawkins, R.D. & Williams, J.M. 2017. Assessing Effectiveness of a Nonhuman Animal Welfare Education Program for Primary School Children. *Journal of Applied Animal Welfare Science*, 20(3): 240-256.
- Hewson, C.J. 2003. What is animal welfare? Common definitions and their practical consequences. *The Canadian Veterinary Journal*, 44(6): 496-499.
- Husu-Kallio, J. 2008. Animal health and animal welfare – is it the same thing? *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law*, 30: 257-265.
- Mench, J. 1998. Why it is important to understand animal behavior. *Institute for Laboratory Animal Research (ILAR) Journal*, 39(1): 20-26.
- Mogbo, T.C., Oduah, F.N., Okeke, J.J., Ufele, A.N. & Nwankwo, O.D. 2009. Animal cruelty: A review. *Journal of Natural Sciences Research*, 3(8): 94-98.
- Pastoret, P.P. & Jones, P. 2004. Veterinary vaccines for animal and public health. *Developments in biologicals (Basel)*, 119: 15-29.
- Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012 – 2020. 2012. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Putrajaya, Malaysia.
- Proctor, H.S. 2012. Animal sentience: Where are we and where are we heading? *Animals*, 2(4): 628-639.
- Proctor, H.S., Carde, G. & Cornish, A.R. 2013. Searching for animal sentience: A systematic review of the scientific literature. *Animals (Basel)*, 3(3): 882-906.
- Rahman, S.A., Walker, L. & Ricketts, W. 2005. Global perspectives on animal welfare: Asia, the Far East, and Oceania. *Revue Scientifique et Technique (International Office of Epizootics)*, 24 (2): 597-610.
- Rytwinski, T., Soanes, K., Jaeger, J.A.G., Fahrig, L., Findlay, S.C., Houlahan, J., van der Ree, R., van der Grift, E.A. 2016. How Effective Is Road Mitigation at Reducing Road-Kill? A Meta-Analysis. *Public Library of Science (PloS) One*, <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0166941>.

Ekspedisi Saintifik Pacuan Empat Roda (ESPER) Siri 3

Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Pacuan Empat Roda siri 3 (ESPER 3) pada 20 - 22 April lalu. ESPER 1 dan ESPER 2 telah dijalankan di Sungai Rangup, Kemaman dan di Hulu Keruak, Hulu Besut. Pada kali ini, ESERI telah memilih Lata Sungai Limau, Jabi, Besut untuk menjalani ESPER 3. ESPER 3 mendapat sokongan penuh daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Ir. R. Badlishah Ahmad.

ESPER merupakan salah satu aktiviti tahunan atau dwi-tahunan ESERI yang melibatkan penyertaan semua kakitangan dan pelajar pascasiswazah ESERI. Penglibatan kelab pacuan empat roda tempatan juga merupakan faktor kejayaan pelaksanaan dan penjenamaan ESPER. Hal ini disebabkan laluan ke lokasi, termasuk alatan dan kelengkapan untuk aktiviti ESPER hanya sesuai menggunakan kenderaan pacuan empat roda sahaja. ESPER mendapat kerjasama baik daripada kelab pacuan empat roda yang aktif di daerah Besut iaitu Kelab GORGON yang menyediakan lebih daripada lima buah kenderaan pacuan empat roda untuk menjayakan ESPER 3 ini. ESPER 3 mendapat penyertaan lebih 90 orang yang terdiri daripada warga ESERI iaitu pengarah, staf dan pelajar pascasiswazah, serta pensyarah dan staf daripada beberapa pusat dan fakulti termasuk pelajar sarjana muda Fakulti Sains Sosial Gunaan. ESPER 3 turut mendapat penyertaan daripada peserta luar negara iaitu empat orang pensyarah Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif. Naib Canselor juga memimpin bacaan doa selamat dan seterusnya menyempurnakan acara pelepasan peserta ke Lata Sungai Limau.

Aktiviti penyelidikan dan persampelan yang dijalankan semasa ESPER 3 merupakan aktiviti pengumpulan data untuk analisis saintifik bagi penulisan dan penerbitan artikel sains alam sekitar dalam jurnal dan terbitan akademik lain.



Harun Hashim

National Client Consultation Competition



The Tan Sri Harun Hashim Client Consultation Competition national rounds for Malaysia were organized at the National University of Malaysia (Universiti Kebangsaan Malaysia), on 10 February 2018. The Theme for this year's competition was: "Contracts: Mistakes and other Bases for non-performance".

Law Faculties from six universities participated in the competition namely; National University of Malaysia (UKM), International Islamic University of Malaysia (UIA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), University Utara Malaysia (UUM), University of Malaya (UM) and Sultan Zainal Abidin Universiti (UniSZA). During registration all the teams were given an orientation about the competition and its rules. The competition was conducted with two preliminary rounds and a final round. Two teams made it to the final round, UM and UniSZA. At the end of the competition, UniSZA surpassed all other participating universities. The Faculty of Law and International Relations (FUHA) would like to congratulate the team members, Raagini A/P Sama Sundaram and Nallina A/P Sanmugarajan for putting UniSZA on the map by winning overall.

Our students have proven that they are capable of excelling at national level competitions, which is recognition that FUHA is a faculty able to facilitate and support excellence among our students.

Pasukan Debat FUHA

Mara Ke Separuh Akhir

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA telah menghantar dua pasukan debat yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang iaitu Saudara Muhammad Syafiq Sapri, Saudari Siti Suraya Sani, Saudari Ira Nadhirah Aris, Saudara Muhammad Asif Zahari, Saudari Nurnabila Muhammad Nazri, Saudari Siti Hajar Anuar, Saudari Karen Christine Markus dan Saudari Nur Atikah Adila Aziz untuk menyertai Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-Undang dan Masyarakat, Piala Ketua Hakim Negara 2018. Pertandingan ini telah berlangsung di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 13–15 April. Pertandingan yang dianjurkan kali ke-10 ini bertemakan 'Memantapkan Profesion Guaman Melalui Pertandingan Debat Berimpak Tinggi'. Pertandingan ini hanya terbuka kepada pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Undang-Undang di Universiti Awam dan swasta Malaysia.

Dalam pertandingan tersebut, salah satu pasukan debat FUHA, yang terdiri daripada Saudara Muhammad Syafiq Sapri, Saudari Siti Hajar Anuar, Saudari Ira Nadhirah Aris dan Saudari Siti Suraya Sani telah berjaya mendapat tempat kedua peringkat pusingan awal untuk melayakkan mereka mara ke separuh akhir. Namun, pasukan FUHA telah tewas kepada UKM di peringkat separuh akhir dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM500.00.

Dalam pertandingan yang sama juga, Saudari Siti Suraya Sani telah berjaya menggondol anugerah bagi kategori pendebat terbaik keseluruhan.



Louis M. Brown And Forrest S. Mosten International Client Consultation Competition 2018

The Louis M. Brown and Forrest S. Mosten International Client Consultation Competition is an annual competition where participants are the winners of similar national competitions from across the world. It provides an exciting opportunity for law students to learn and practice interviewing and counselling skills as well as to meet young lawyers from an amazing range of nations and cultures. This year's competition was organised at Maastricht University, Netherlands from 11 to 14 April 2018. The theme for this year's competition was: "Contracts: Mistakes and Other Bases for Non-performance". There were 22 teams taking part in the 2018 competition. The teams came from Australia, Belgium, Canada, Croatia, England, Georgia, Germany, India, Indonesia, Ireland, Kenya, Malaysia, Netherlands, New Zealand, Nigeria, Northern Ireland, Poland, Scotland, Switzerland, Turkey, Ukraine and USA. Team Malaysia was represented by Raagini A/P Sama Sundaram and Nallina A/P Sanmugarajan, both UniSZA students from the Faculty of Law and International Relations (FUHA).

The event started on Wednesday, 11 April 2018 with the registration of team members. All teams assembled at the Faculty of Law building, Maastricht University at 2.00 pm for the opening ceremony followed by a seminar and workshop on "Lawyer-client communication across culture and language borders". The panels were Mr. Elles Ramakers (attorney at law and assistant professor of civil law at Maastricht University), Prof. Nancy Schultz (Professor of Law Chapman University, California, USA), Juraj Brozović Mag.Iur. (Research Assistant, Coordinator Legal Aid Clinic, University of Zagreb, Croatia). The overall discussion was chaired by Dr. Agustin Parise. This was followed by an Interactive workshop on related themes, directed by Dr. Agustin Parise. The opening ceremony was held at 5.00 pm, with the opening speech by the Dean of Faculty of Law, Prof. Dr. J. Smits. The audience were later presented with a wonderful performance by the Quartet of Four Voices with Accompaniment, Music Academy Maastricht titled "Reflections on client interviewing in music". At 5.30 pm, there was a drawing of team letters and presentation of the teams where all team members were asked to introduce themselves. Team Malaysia ended up with the letter "I". From the drawing of the letters, all teams knew which group they were in and the schedule for the two preliminary rounds on 12 and 13 April 2018. The first day event ended with an informal dinner at 6.30 pm.



On Thursday, 12 April 2018, team Malaysia participated in the First Preliminary round at 11.00 am. The other teams from the same group were Team Poland and Kenya. The team was judged by three professional judges, Rob Otto, a District Court judge, Mandy Siebenhaar, an attorney at law and Eugene Custers, a psychologist. The first interview was about a contract issue that had arisen out of an online sale of an airplane. The Second Preliminary round was held on Friday, where Team Malaysia participated in the interview at 2.00 pm. The other teams from the same group were Team Turkey and Ukraine. The team was judged by three professional judges, Rob Otto, a District Court judge, Arlene Draid, legal counsel and mediator and James Tyndall, a psychotherapist. The second interview was about money paid in advance for a luxury hotel room refunded. On Friday evening, the 9 teams that managed to proceed to the semi-finals were announced. Team Malaysia was one of them, together with eight others, namely Croatia, USA, Netherlands, Australia, Canada, Scotland, Belgium and New Zealand. Team Malaysia ranked 6th place from 9 teams at this stage.

On Saturday, 14 April 2018 team Malaysia participated in the Semifinals at 11.00 am. The other teams from the same group were Team Australia and Canada. The team was judged by three professional judges, Elle Ramakers, an attorney at law, Arlene Draid, legal counsel and Eugene Custers, a psychologist. The third interview was about a "flagrant breach of an agreement to marry." After the semifinals, the 3 teams that managed to go to the final round were announced. Team USA, Malaysia and Scotland managed to proceed. At this stage, team Malaysia ranked 2nd place. During the final round, team Malaysia participated in the interview at 4.00 pm. The team was judged by five professional judges, among others the chairman of the competition itself, Forrest Woody Mosten, a mediator in private practice and a Collaborative Family Lawyer. Other judges were lawyers from Wolfs Advocaten, panels of psychologists and former participants of the competition. The final interview was about a problem with a lease of a performance venue. The winner of the competition was Team USA, followed by first runner-up Team Scotland and 2nd runner-up, Team Malaysia. All teams were awarded with a certificate of participation and the winner received a trophy with the winners' names inscribed on it.

Makmal Analisis Kimia Makanan Memperoleh Sijil Pengiktirafan **MS ISO/IEC 17025**

Makmal Analisis Kimia Makanan (Food Chemistry Analysis Laboratory) ECER telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah makmal bertaraf dunia setelah menerima Sijil MS ISO/IEC 17025 dari Jabatan Standard Malaysia (JSM) pada 3 Mei di UniSZA, Kampus Gong Badak.

Sijil akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) yang berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025:2005 bertarikh 5 Februari itu telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, En. Shaharul Sadri Alwi, kepada Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dalam satu majlis di Pejabat Naib Canselor.

Makmal Analisis Kimia Makanan merupakan satu-satunya makmal di UniSZA yang telah menerima akreditasi di bawah SAMM. Makmal ini telah menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh MS ISO/IEC 17025:2005 General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories yang ditentukan oleh Jabatan Standard Malaysia. Sistem pengurusan makmal yang dilaksanakan juga telah diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana makmal ini mempunyai staf yang berkemampuan dan terlatih serta melaksanakan garis panduan dan kaedah pengujian yang ditetapkan bagi memastikan keputusan ujian mempunyai ketetapan tinggi dan boleh dipercayai.

Sesebuah makmal yang mempunyai kompetensi dalam aktiviti pengujian, pengurusan kualiti dan memberikan keputusan pengujian yang diyakini serta berkredibiliti dapat meningkatkan keyakinan klien atau pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan. Hal ini juga, memberikan kelebihan kepada makmal tersebut kerana dapat mengurangkan risiko perkhidmatan pengujian yang tidak tepat yang dapat meningkatkan kos dan masa untuk pengujian semula. Skim-skim akreditasi Standards Malaysia juga telah memberikan faedah kepada industri dan pengguna dari segi penjimatan kos iaitu kedua-dua pihak berasa terjamin terhadap produk yang dikehendaki sama ada dari segi kualiti ataupun keselamatan.

Standards Malaysia selaku Badan Akreditasi Kebangsaan memainkan peranannya dengan melaksanakan proses penilaian yang telus bagi memantau kebolehpayaan dan prestasi makmal secara berterusan. Standards Malaysia beroperasi berdasarkan prosedur yang dipersetujui di peringkat antarabangsa iaitu tahap profesionalisme dan integritinya dikawal dan dipantau.

Makmal Analisis Kimia Makanan ECER, UniSZA ditubuhkan bertujuan untuk memberi perkhidmatan analisis kepada usahawan di sekitar Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang termeterai perjanjiannya antara UniSZA dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada 30 Januari 2009. Makmal Analisis Kimia Makanan ECER-UniSZA ini sangat aktif dalam menjalankan perkhidmatan analisis dan khidmat nasihat kepada usahawan dalam industri makanan. Terdapat tujuh skop ujian yang ditawarkan iaitu Karbohidrat (Carbohydrate), Protein, Lemak (Fat), Lembapan (Moisture), Abu (Ash), Serat Kasar (Crude Fiber) dan Tenaga (Energy) yang merupakan Maklumat Pemakanan (Nutritional Fact) untuk produk makanan.

Makmal ini membangunkan skop ujian mengikut standard antarabangsa dengan mematuhi sistem kualiti yang diterima pakai dalam dan luar negara. Dengan adanya makmal bertauliah, pelanggan dan agensi boleh mengambil peluang menggunakan perkhidmatan dan keupayaan yang sedia ada di makmal ini.



Pendaftaran Pelajar Baharu **Program Diploma Sesi 2018/2019**

Pendaftaran pelajar baharu program diploma yang bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS), Kampus Gong Badak, UniSZA, Terengganu pada 4 Jun telah berjalan dengan lancar.

Bagi sesi 2018/2019, UniSZA menerima seramai 1,326 orang pelajar baharu lepasan SPM yang terpilih untuk mengikuti 25 program yang ditawarkan oleh lapan fakulti. Sementara itu, pengurusan tertinggi UniSZA turut meluangkan masa beramah mesra dengan keluarga para pelajar yang mendaftar.

Pihak universiti merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga dan seluruh warga kerja UniSZA yang membantu proses kemasukan para pelajar baharu ini. Kemasukan mereka amat dialu-alukan dan diharapkan mereka dapat menempuh alam kampus dengan sebaik mungkin dan seterusnya berjaya menggenggam segulung kejayaan di akhir pengajian kelak.



Jadual 1: Pendaftaran Pelajar Mengikut Fakulti

Bil.	Fakulti	Jumlah
1.	Perubatan	61
2.	Sains Kesihatan	81
3.	Bahasa dan Komunikasi	104
4.	Ekonomi dan Sains Pengurusan	305
5.	Rekabentuk Inovatif dan Teknologi	101
6.	Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa	71
7.	Pengajian dan Kontemporari Islam	506
8.	Informatik dan Komputeran	97
	Jumlah	1326



Program Fat To Fit Staf UniSZA 2018



Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA telah mengadakan Program Fat to Fit bermula 5 Mac - 23 Mei di Dewan Gemilang, UniSZA Kampus Gong Badak. Program ini dirasmikan oleh Ketua Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar, Encik Mohd Faizal Ibrahim pada 25 Februari.

Seramai 101 orang staf UniSZA dari kalangan staf akademik; pengurusan dan profesional; dan pelaksana terlibat dalam program yang diadakan selama 12 minggu ini. Program ini diadakan tiga hari seminggu bermula Isnin hingga Rabu.

Instruktur dari Majlis Sukan Negeri Terengganu, Encik Hj. Nasree Najmi dan pakar diet dari Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Dr. Aryati Ahmad telah dijemput sebagai jurulatih kecergasan.

Program ini bertujuan untuk memupuk budaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan staf mengikut kaedah dan cara yang betul dalam mengurangkan berat badan serta gaya hidup sihat yang sepatutnya diamalkan. Program ini dibahagikan kepada tiga aktiviti iaitu senaman, pemakanan dan pemeriksaan kesihatan bagi mengimbangi tahap pemantauan kesihatan dan kelangsungan tahap pencapaian staf.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar, Encik Ahmad Termizi Ab. Aziz dan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi, Encik Riduan Mohamed Arof.

Encik Noor Aminuddin Mohamed Noor yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dari Pusat Islam UniSZA dinobatkan sebagai penerima hadiah utama setelah beliau berjaya menurunkan berat badan yang paling tinggi iaitu sebanyak 18kg.



UniSZA Graduation Exit Test

The UniSZA Graduation Exit Test (UGET) is a standard test for all undergraduate students that measures their English proficiency before graduation. The implementation of this test is for undergraduates from all degree programmes in UniSZA starting with students from the 2015/2016 intake.

The Faculty of Languages and Communication (FBK) has been entrusted by the university to manage and conduct UGET. This test is one of the requirements for graduation in line with university policy to empower English language proficiency among students. The format of the test is adapted from the existing MUET syllabus, and the exam procedure follows the standard rules of UniSZA examinations. By

offering UGET, students are given more choice and in how they can be tested for English proficiency, and greater flexibility in how they can achieve UniSZA graduation requirements.

To date, four series of tests have been conducted. The first series was held on 23-25 February 2017 involving 183 candidates. The second series was held on 29-30 April 2017 and involved 52 candidates, while the third series took place on 9 December 2017 with 153 candidates.

The fourth series of UGET with 94 candidates was held on 24 April 2018 at the Dewan Perdana for writing, reading and listening components starting from 8.00 am until 1.00 pm. The test for the speaking component was held at the Academic Block starting from 2.00 pm until 5.00 pm.

The exam candidates in the fourth series were from the Faculty of Islamic Contemporary Studies (4 candidates), Faculty of Informatics & Computing (22 candidates), Faculty of Economics & Management Sciences (15 candidates), Faculty of Bioresources & Food Industry (2 candidates), Faculty of Innovative Design & Technology (1 candidate), Faculty of Medicine (13 candidates), Faculty of Law & International Relations (19 candidates) and Faculty of Applied Social Sciences (18 candidates).

FBK is very grateful to the staff from Faculty of General Studies & Advanced Education (FUPL), Academic Management Division (BPA), Information Technology Center (PTM), Security Department (JKS) and Development Management Department (JPP) that helped to ensure that all the series of tests were carried out smoothly.



UniSZA Wakili UCSC

Sampaikan Anugerah Destinasi Mesra Muslim di Malaysia kepada Menteri Besar Terengganu

Terengganu terkenal dengan tarikan pelancongan lantaran keindahan jajaran pantai yang dimiliki, alam semula jadi yang memukau serta dikenali umum sebagai tapak penyebaran Islam. Keindahan prasarana dan seni bina seperti masjid menjadi daya tarikan pelancong untuk berkunjung ke Terengganu. Seajar dengan identiti dan imej Islam yang ditonjolkan, Terengganu telah diiktiraf sebagai Destinasi Mesra Muslim oleh *Universal Crescent Standard Centre* (UCSC). Terdahulu, anugerah ini disampaikan dalam majlis makan malam yang diadakan sempena penganjuran *The 2nd International Islamic Standard Tourism Conference* pada 28 dan 29 April, bertempat di Adya Hotel Langkawi, Kedah. Anugerah yang disampaikan oleh Pengerusi UCSC, Dato' Dr. Ismail Ibrahim kepada pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA, Puan Siti Zanariah Yusoff selaku wakil negeri Terengganu yang kemudiannya diserahkan kepada Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar pada 16 Mei di Pejabat Menteri Besar, Wisma Darul Iman, Terengganu. Anugerah khas ini diraikan sekali lagi dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Portfolio Pelancongan pada 24 Mei dan turut hadir menyerahkan anugerah khas tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif UCSC, Tuan Haji Shaya'a Othman.

Menurut Menteri Besar Terengganu, anugerah tersebut merupakan satu pemangkin untuk menjadikan negeri penyu ini sebagai Koridor Pelancongan Islam Antarabangsa. Hal ini seiring dengan perkembangan bidang pelancongan Islam yang semakin mendapat tumpuan dan boleh dilihat dari pelbagai perspektif seperti ekonomi, budaya mahupun agama. Islam menggalakkan umatnya menjelajah ke serata tempat bagi tujuan mencari pengetahuan, memperkaya pengetahuan dan memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Perkembangan bidang pelancongan Islam membuka ruang kepada pengusaha pelancongan menstruktur semula operasi mereka untuk memenuhi permintaan pasaran.

Pelancong akan memilih destinasi yang mempunyai tarikan yang bersesuaian untuk dijadikan pilihan sebagai tempat pelancongan. Begitu juga dengan kehendak pelancongan Islam. Keunikan masyarakat atau kebudayaan di suatu destinasi boleh menjadi taruhan kepada pelancongan Islam. Kewujudan warisan Islam seperti masjid atau tempat ibadat sama ada dari segi kehalusan seni atau keunikan mampu diketengahkan sebagai tarikan untuk memperkenalkan pelancongan Islam kepada umum.



English Camp (BIT21803), a subject offered to all students taking the Diploma in Teaching English as a Second Language (TESL), took place from 14 to 25 January 2018. The course is compulsory for all TESL semester 6 students, but it also received participation from 24 students from Prince of Songkla University (PSU), Thailand as part of a UniSZA international mobility programme. The camp was divided into two phases: indoor and outdoor. The indoor phase was held at UniSZA Gong Badak campus while the outdoor phase was held by the seaside at Angulia Beach Resort, Marang.

Among the objectives of the course are to inculcate in students the importance of teamwork and to enhance students' communication skills through various fun-filled activities including drama, Western Dikir, and dream team. The students were also taken to Teltrec IPG for a sharing session with Bachelor in TESL students at Institut Perguruan Guru, Kampus Dato Razali.

Other activities that were held during this programme were poem, chant, motivational talk, sketch and others. The supervision and evaluation for all these activities were conducted by lecturers from the Faculty of Languages and Communication (FBK) and teachers from the Faculty of General Studies and Advanced Education (FUPL).

The closing ceremony, marking the end of the camp, was officiated by Madam Nur Salina Ismail on behalf of the Dean, FBK. Among the attendees were Encik Husen Sawal, representing PSU and FBK lecturers.

Based on reports gathered, the camp achieved its objectives. The participants reported that they enjoyed the activities conducted throughout the two week programme. FBK will continue to organise this programme in the future as it was well received by all parties. This is yet another way in which FBK works to enhance the international experience of our students, by conducting international mobility programmes for the university.

ENGLISH CAMP 2018



Celcom Axiata

Perkenal Aplikasi Pelajar

Pada 14 Februari lalu, Celcom Axiata yang diwakili oleh Project Manager Government Liaison USP & Vendor Development, Mohamed Haji Jantan bersama tiga orang wakil telah membentangkan Aplikasi Pelajar kepada staf dan Ketua Pusat Tanggungjawab di Dewan Senat. Taklimat yang berlangsung selama tiga jam tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat, Tuan Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman.

Antara tujuan utama pembentangan tersebut diadakan adalah supaya seluruh universiti awam di Malaysia dapat mengaplikasikan pembelajaran berteraskan digital. Sehubungan dengan itu, UniSZA akan mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama industri dengan Celcom Axiata Berhad. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Celcom Axiata ialah *Student Application* yang memudahkan pembelajaran seharian dengan lebih efektif. Penggunaan sistem ini adalah sangat mudah iaitu pelajar hanya perlu memuat turun aplikasi daripada Play Store dan App Store. Aplikasi ini juga dapat menyimpan maklumat pelajar seperti profil, bidang pengajian, nama fakulti, sesi pengajian, dan fungsi-fungsi lain. Dengan adanya sistem aplikasi pelajar, pihak pengurusan dan pensyarah UniSZA dapat memastikan perjalanan dan keselamatan pelajar dapat dipantau dari semasa ke semasa.

Bersempena Karnival Mahabbah IKIM.fm UniSZA2018, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) UniSZA bersama-sama CEO@ Faculty 2.0 Fellowship (@ QSR Brands (M) Holdings Bhd. dan Persatuan Mahasiswa FSSG beserta usahasama Mahasiswa Komunikasi Dakwah telah menganjurkan Program Solidariti Ummah yang julung kalinya diadakan di UniSZA pada 30 Mac bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah.

Program ini menampilkan dua orang tetamu jemputan yang diundang khas iaitu Saudara Lah Ahmad dan Saudara Black (artis tersohor negara yang memperjuangkan inspirasi keamanan dunia). Mereka menyampaikan beberapa buah lagu (kemanusiaan) dan diselang-selikan dengan aktiviti *Talk Show* bertemakan keamanan dan kesejahteraan sejagat yang disampaikan oleh Syria Care - Malaysia.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi sumber inspirasi terhadap generasi muda dan mahasiswa dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan umat Islam di seluruh dunia.

Konsert Amal

Bersama Lah Ahmad dan Black Anjuran FSSG



Kem Bahasa Arab UCTC



Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UniSZA telah menganjurkan Kem Bahasa Arab UCTC dengan tema *قلوبنا في العربية* yang bertempat di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Penganjuran Kem Bahasa Arab ini merupakan hasil kerjasama dengan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat, UniSZA. Majlis bermula dengan sesi motivasi daripada Ketua Pusat Pengajian Bahasa Arab, Ustaz Mohd Fauzi Abdul Hamid. Sesi ini bertujuan memberi semangat kepada para peserta agar mempelajari dan mencintai bahasa Arab.

Program telah diadakan pada 10 Februari dengan melibatkan seramai 101 orang pelajar dari lima buah sekolah menengah sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu. Majlis tersebut dirasmikan oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim. Slot pertama program ini ialah aktiviti suai kenal (*نتعارف هيا*). Sebelum itu, para peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut warna yang telah diletakkan di belakang badan mereka. Kemudian, para peserta dikehendaki untuk beradadi dalam kumpulan seterusnya berbincang tentang logo serta kata-kata tema kumpulan masing-masing. Aktiviti ini dilihat dapat memberi semangat dan keyakinan kepada peserta untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Slot kedua pula adalah Jom Teka (*نخمن هيا*). Setiap kumpulan perlu memilih kategori gambar yang terdapat pada Power Point yang disediakan. Kemudian, dua orang peserta daripada setiap kumpulan dikehendaki untuk meneka gambar pada skrin belakang mereka, manakala baki ahli kumpulan yang lain memberi petunjuk kepada peneka. Peneka dikehendaki menyebut perkataan tersebut dalam bahasa Arab. Slot kedua ini sememangnya dapat menguji tahap ingatan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab. Kem Bahasa Arab diteruskan lagi dengan aktiviti *explorace* (*الصيداد رحلة*) pada waktu petang. Terdapat lima lokasi yang perlu dilalui oleh semua peserta. Bagi lokasi pertama, setiap ahli kumpulan wajib meniup tepung. Peserta dikehendaki mengambil kertas atau potongan cerita dengan mulut. Kemudian, mereka dikehendaki menyusun cerita yang diperoleh dengan betul. Markah akan dikira berdasarkan hasil susunan cerita yang berjaya dibentuk.

Di lokasi kedua pula, peserta dikehendaki menjatuhkan botol dengan menggunakan buah kelapa. Berdasarkan botol yang telah jatuh, para peserta perlu membuat ayat dan ditulis pada kertas dengan menggunakan kalimah yang terdapat pada botol. Bagi lokasi aktiviti yang ketiga pula, peserta dikehendaki membuat pusingan bumi sebanyak sepuluh kali serta mendapatkan belon dalam sampul yang disediakan. Peserta perlu meniup belon di dalam sampul sehingga pecah. Kemudian para peserta dikehendaki menyusun kalimah tersebut pada kad manila yang disediakan dengan betul.

Seterusnya, di lokasi keempat, setiap ahli kumpulan akan mendapat lima bola kertas yang disediakan. Peserta dikehendaki memasukkan kelima-lima bola tersebut dalam bakul yang disediakan. Setelah berjaya memasukkan bola tersebut, peserta dikehendaki menyelesaikan soalan kira-kira yang telah disediakan. Bagi lokasi yang terakhir, setiap kumpulan disediakan satu cerita. Orang pertama akan mendengar cerita tersebut daripada fasilitator. Kemudian peserta perlu memberitahu cerita tersebut kepada orang kedua dan seterusnya hingga sampai kepada peserta terakhir dalam kumpulan masing-masing. Peserta yang terakhir pula dikehendaki menulis cerita yang diperoleh pada kertas yang disediakan.

Semua peserta turut mengambil peluang bergambar bersama pihak penganjur dan berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

KEM BESTARI MATEMATIK & MAJLIS PENUTUP KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP) II 2018 ORANG ASLI TERENGGANU

Pendidikan merupakan kriteria penting yang harus dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat, termasuklah generasi muda masyarakat Orang Asli pada hari ini. Tahap kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan bagi menjamin masa depan mereka juga semakin memberangsangkan. Sehubungan dengan itu, Program Kem Bestari Matematik & Majlis Penutup KTP II 2018 Orang Asli Terengganu bertempat di SK Sg. Berua, Hulu Terengganu telah berlangsung pada 13 Mac. Manakala pada 14 Mac, program yang sama juga telah dilaksanakan di SK Sg. Pergam, Kemaman. Program ini merupakan sebahagian daripada aktiviti Knowledge Transfer Programme (KTP) UniSZA bertajuk Projek Transformasi Pendidikan Masyarakat Orang Asli Terengganu (Peringkat II).

Program ini menggunakan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dan berinformatif berkonsepkan Fun Learning melalui penggunaan Kit Damat. Kit ini direka oleh sekumpulan penyelidik dari Institut Kejuruteraan Matematik, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP). Terdapat dua jenis Kit Damat iaitu untuk prasekolah (4-6 tahun) dan sekolah rendah (7-12 tahun). Ini bertujuan untuk memupuk minat dan melatih kemahiran Arithmatik dalam pembelajaran murid Orang Asli khususnya dalam subjek Matematik. Selain itu, program ini membantu merangsang minat murid untuk terus berada dalam sesi pembelajaran di sekolah menerusi didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran di samping mewujudkan satu dimensi baharu dalam aspek pembentukan dan penyebaran ilmu.

Slot motivasi kepada para ibu bapa dan murid Orang Asli juga dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran dan kefahaman ibu bapa Orang Asli dalam pelaksanaan pendidikan secara berterusan. Ini sekaligus memperlihatkan perkembangan pembelajaran anak-anak Orang Asli SK Sg. Berua dan SK Sg. Pergam dan mendapatkan maklum balas para ibu bapa mengenai tahap pendidikan anak-anak mereka. Manakala acara penyampaian cenderahati turut disampaikan kepada 17 orang calon UPSR Sg. Berua dan 12 orang calon UPSR Sg. Pergam yang akan menduduki peperiksaan tahun ini. Di samping itu, saguhati kepada pihak sekolah turut diberikan berbentuk 'Kotak Pendidikan' yang mengandungi peralatan tambahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sumbangan ini adalah tanda penghargaan atas setiap usaha pelbagai pihak dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada para murid Orang Asli Terengganu.



For the past six years Tourism Terengganu has supported the organising of Tasik Kenyir's premier ecotourism event, Kenyir Bird and Nature Quest. This annual event is coordinated by Anuar McAfee, who has spent much time in the forests of Tasik Kenyir for his bird studies and is currently the Director of the International Centre, UniSZA. The two-day one-night programme introduces participants to the wealth of wildlife and serves to raise awareness on conservation issues directly related to Kenyir. International students from UniSZA participated in the 2018 running of the programme together with others who came from all over Malaysia.

The event was launched by Mr. Ahmad Fathil Abd Ghani, Tourism Manager for Ketengah. Mr. Henry Goh, President of the Malaysian Nature Society (MNS) gave the keynote address titled 'MNS, Birdlife International and Environmental Conservation through the Protection of Birds and their Habitat'.

This was followed by a series of talks held outdoors at the lakeside. Topics included the diversity of avifauna, sustainable fly-fishing and the setting up of a new state park in the Kenyir area. Other speakers focused on the economic benefits of ecotourism, as a way to protect the environment and also provide jobs for locals. After the talks, the group explored the Sungai Buweh Recreational Road where birdwatching activities took place. This area is known for its hornbills, where nine species can be seen regularly together with many other colourful forest birds. Participants enjoyed an outdoor barbecue dinner with traditional entertainment and relaxed on houseboats which served as their overnight accommodation. The following day the group spent the morning at the Kelah Sanctuary near Sungai Petang. This conservation area has limited access to the public. Located next to the border of the National Park, UniSZA international students were able to do some jungle trekking, birdwatching, walk across a suspension bridge, and cool off in the refreshing Petang River, swimming among the many Kelah fish that populate the river.

UniSZA international students said it was a wonderful experience to get outdoors and explore such a beautiful area as Tasik Kenyir and a great opportunity to meet Malaysians from all walks of life. They hoped that the programme would be held again next year for continuous awareness in appreciating Terengganu's unique nature and biodiversity.

KENYIR BIRD AND NATURE QUEST 2018



Komuniti dan FSSG *di Besut*

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) sesi 2017/2018 telah mengadakan program Baktisiswa 2018 di Kampung Baharu, Kuala Besut, Terengganu pada 5-7 April 2018.

Seramai 60 orang mahasiswa berkampung selama tiga hari dua malam di kampung tersebut bersama keluarga angkat yang telah dikenal pasti. Beberapa aktiviti bersama orang kampung telah dijalankan antaranya *Outreach School* yang diketuai oleh Ikon Motivator UniSZA, Muhammad Syafiq Mohd Sakri, senamrobik, gotong-royong membersihkan kampung, pemeriksaan kesihatan oleh Pusat Kesihatan Daerah Besut, lawatan 1,000 langkah, sukan rakyat dan malam kebudayaan.

Program ini bertujuan memberi kemahiran dan pengalaman baharu kepada mahasiswa bagi mengendalikan sesuatu program di samping memberi pendedahan mengenai kehidupan kampung dan bergaul dengan masyarakat setempat sebelum mereka tamat dan keluar dari universiti. Dengan adanya program sebegini diharapkan dapat memberi pengalaman kepada mahasiswa dalam menempuh kehidupan mendatang.



Dalam program perasmian penyerahan anak angkat yang telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA, Prof. Dr. Nik Wan Omar, beliau menyatakan bahawa program kemasyarakatan begini dapat mewujudkan hubungan dua hala antara UniSZA dengan penduduk Kampung Baharu, Kuala Besut, Terengganu.

Dalam ucapan balas bersama bekas ADUN Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, Penasihat Persatuan Mahasiswa FSSG merangkap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEPA) FSSG, Dr. Norsuhaily Abu Bakar mengharapkan agar peserta dan mahasiswa dapat mempersiapkan diri bagi menempuh alam sebenar dan masyarakat luar selepas tamat pengajian mereka di peringkat universiti. Program berakhir dengan penyerahan semula anak angkat kepada pihak UniSZA dan ucapan penghargaan oleh Setiausaha J3K Kampung Baharu, Kuala Besut, Encik Dzulkifli Hasan.

Kursus Asas Penternakan Kambing Tenusu



Penternakan kambing tenusu adalah kurang popular dalam kalangan penternak kambing di Malaysia berbanding ternakan kambing pedaging. Namun begitu, penternakan kambing tenusu mempunyai kelebihan tersendiri kerana pulangan yang lumayan akibat permintaan tinggi terhadap susu kambing. Penternakan kambing tenusu memerlukan lebih perhatian dan sistematik berbanding penternakan kambing pedaging. Sehubungan dengan itu, UniSZA telah melaksanakan Kursus Asas Penternakan Kambing Tenusu pada 2-3 Mac. Kursus ini merupakan anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Pusat Jaringan Industri dan Komuniti UniSZA. Seramai 30 orang peserta tingkatan lima Aliran Sains Pertanian dari Sekolah Menengah Padang Kemunting dan Sekolah Menengah Bukit Tunggul telah terlibat sebagai peserta. Kursus ini diketuai oleh Pensyarah Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi, Dr. Roslan Awang bersama empat orang Pegawai Pertanian dan Pembantu Verterinar dari Pusat Pengurusan Ladang (PPL) UniSZA.

Pada hari pertama, peserta diberikan penerangan tentang teori pengurusan ternakan kambing tenusu yang dilaksanakan di Kampus Gong Badak. Ia merangkumi kaedah pemilihan ternakan, pemakanan, pengurusan dan pemasaran produk. Pada hari kedua pula, para peserta telah dibawa ke Ladang UniSZA di Pasir Akar, Besut bagi menjalani latihan amali penternakan kambing tenusu. Disini, peserta didedahkan dengan suasana bekerja diladang dan dapat melaksanakan sendiri rutin harian penternak kambing tenusu. Peserta juga diberi tugas untuk menguruskan ternakan seperti memerah susu, menimbang berat dan pemotongan kuku. Pada akhir program, para peserta telah menzahirkan ucapan terima kasih atas ilmu dan pengalaman yang diberikan.



Let's Clean

Senak Beach, Bachok

In Bachok, Kelantan on 3 March a total of 82 participants, assisted by a teacher from Sekolah Menengah Kebangsaan Tembila joined the 'Let's Clean Senak Beach' programme, organised by Residential College Council E (MKK E) in collaboration with the Deputy Vice Chancellor, Student Affairs (HEPA) UniSZA.

This community service programme was one of the MKK Efforts in educating and spreading awareness among UniSZA students about the importance of preserving the cleanliness of the beach and its surroundings.



The Programme Director, Nur Azlina Diana, who is also the Cleanliness and Cheerfulness Exco of MKK E, stated that this programme has indirectly created awareness about dengue fever. The participants also destroyed the breeding grounds of Aedes mosquitoes which were located alongside the beach among the empty bottles and waste left by visitors.

"It is our obligation to appreciate nature by keeping it clean and preserving the beach from being polluted," she continued. The programme was officiated by Yayasan Harmoni Executive Director, Datuk Hj. Mohd Radzuan Abdullah.

This programme successfully instilled teamwork values among the students, especially during the beach cleaning task which was done in groups. Apart from that, students from both the high school and the university exchanged ideas despite their differences in age.

According to Azlina Diana, she would love to see this programme to be continued in the future, and encourages more participation among students from the university, high school and the local community.

Lawatan Penanda Aras UniSZA ke Smart Classroom and Future Classroom UPSI



Sistem pendidikan masa hadapan akan mengalami anjakan paradigma dengan fokus untuk menyampaikan ilmu menggunakan kaedah pintar. Peranan pensyarah dan guru telah menjadi sangat berbeza berbanding dahulu. Oleh itu, prasarana sekolah dan universiti masa kini perlu dilengkapi dengan kombinasi kecerdasan buatan dan alat pengajaran dan pembelajaran terkini. *Smart Classroom and Future Classroom* adalah konsep yang telah dimulakan oleh beberapa universiti tempatan termasuklah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sejak 2017.

Atas perkembangan tersebut, UniSZA telah mengadakan lawatan penanda aras ke UPSI pada 13 April. Sesi lawatan disertai oleh enam orang delegasi dari UniSZA yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad; hadir sama Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran, Prof. Madya Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin; Pengarah Pusat Teknologi, Prof. Dr. Nordin Abd Rahman; Pengarah Pusat Kualiti Akademik dan E-Pembelajaran, Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa; Timbalan Pengarah Akademik Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Puan Norkhairani Abdul Rawi; dan pensyarah Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Prof. Madya To'Puan Dr. Nizaita Omar.

Lawatan dimulakan dengan ucapan aluan daripada Naib Canselor UPSI, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran bagi mengalu-alukan kedatangan delegasi UniSZA. Tujuan lawatan penanda aras tersebut adalah bagi membuat perbandingan tentang pembangunan *smart classroom and future classroom* yang digunakan oleh UPSI. Lawatan ini bertujuan membentuk kerjasama yang positif antara UniSZA dengan UPSI selain sebagai penanda aras dalam membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan *smart classroom and future classroom* di UniSZA.

Delegasi UniSZA turut melawat beberapa fakulti di UPSI yang membangunkan kemudahan tersebut seperti Fakulti Pembangunan Manusia; Fakulti Sains dan Matematik; Fakulti Pengurusan dan Ekonomi; dan Fakulti Muzik dan Seni. Lawatan penanda aras ke UPSI ini diadakan adalah bagi melihat susun atur dan kemudahan yang disediakan di dalam bilik kuliah fakulti tersebut. Dengan adanya lawatan seperti ini UniSZA boleh menjadikan satu titik tolak bagi pelaksanaan *smart classroom and future classroom* di UniSZA. Ia memberi kemudahan kepada para pelajar dan penyelidik untuk membuat kajian dan seterusnya menghasilkan produk inovasi yang bermutu dan mempunyai nilai komersial pada masa akan datang.

Hasil daripada lawatan penanda aras ini yang sangat memberangsangkan merupakan satu langkah proaktif dalam usaha melengkapkan dokumen *smart classroom and future classroom* dan perlaksanaan di UniSZA. Diharapkan lawatan penanda aras ini sebagai satu titik permulaan untuk membuat beberapa penambahbaikan supaya seiring dengan kemajuan dan kejayaan institusi pengajian tinggi yang lain.

Majlis Graduasi **Kursus Tahsin al-Quran** *dan Perguruan Tasmi'*

UniSZA melalui Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah melaksanakan Kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan Guru-Guru Tasmi' Imtiaz Yayasan Terengganu. Program ini merupakan salah satu projek di bawah *Knowledge Transfer Programme* (KTP) melalui perjanjian persefahaman antara UniSZA dengan Yayasan Terengganu.

Kursus yang dilaksanakan sebanyak enam siri ini telah berlangsung hampir setahun setengah dan melibatkan dua modul iaitu Modul Perguruan dan Modul Tahsin al-Quran. Pengarah projek diketuai oleh Prof. Madya Dr. Normadiyah Daud di bawah naungan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad. Seramai 140 Guru Tasmi' Imtiaz Yayasan Terengganu dari seluruh daerah negeri Terengganu telah mengikuti kursus ini. Ia dijalankan untuk membantu dalam membentuk guru yang berketrampilan di samping memantapkan mutu pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar tahfiz di Sekolah Menengah Imtiaz di seluruh daerah negeri Terengganu.

1 April menyaksikan sejarah berlangsungnya Majlis Graduasi bagi seramai 140 orang Guru Tasmik Imtiaz Yayasan Terengganu Kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan Tasmi' Imtiaz Yayasan Terengganu. Majlis diadakan untuk memberikan penganugerahan kepada guru-guru yang telah mengikuti Kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan Tasmi' Imtiaz Yayasan Terengganu secara rasmi setelah mereka menamatkan kursus tersebut dengan jayanya.

Majlis Graduasi ini berlangsung di Dewan Al-Mukhtafi Bilah Shah dengan dihadiri oleh seramai 140 guru tasmik' dari lapan buah Sekolah Menengah Imtiaz di seluruh negeri Terengganu. Sijil disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad. Majlis graduasi ini turut disaksikan oleh Pengarah Yayasan Terengganu, Tuan Haji Ishamudin Hashim, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Prof. Dr. Abdul Hakim Abdullah dan Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah) FKI, Prof. Madya Dr. Normadiyah Daud yang juga merupakan pengarah projek ini.

Majlis berlangsung meriah dengan kehadiran ahli keluarga masing-masing. Kesemua guru tasmik' yang menerima penganugerahan ini sangat gembira dan terharu setelah pengorbanan selama hampir dua tahun berhasil dengan majlis yang diadakan ini.



Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Paya Bakau: FBIM Bersama Komuniti



Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) bukan hanya menumpukan kajian yang terdapat dalam bidang bioteknologi pertanian dan industri makanan semata-mata, tetapi dengan sumber kepakaran yang ada turut menumpukan kajian dalam bidang alam sekitar. Bagi memastikan kepakaran yang ada ini dimanfaatkan sepenuhnya, pihak FBIM turut berkongsi ilmu berkaitan kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan masyarakat setempat. Sebagai contohnya, pihak FBIM bersama-sama dengan masyarakat tempatan telah melakukan bancian flora dan fauna di kawasan hutan paya bakau Sungai Gelam Mas Besut Terengganu pada 13 Mac. Bancian ini dilakukan bertujuan untuk membantu masyarakat tempatan mencapai matlamat mereka untuk memelihara dan

memulihara keaslian hutan paya bakau di kawasan tersebut.

Masyarakat yang tinggal di kawasan Sungai Gelam Mas mempunyai kesedaran yang tinggi berkenaan kepentingan menjaga kestabilan dan keaslian hutan paya bakau. Mereka mengetahui bahawa hutan paya bakau merupakan tempat yang sesuai bagi pembiakan beberapa spesies hidupan laut seperti ikan kerapu (*Epinephelus tauvina*), ikan siakap (*Lates calcarifer*), udang putih (*Penaeus merguensis*, *P. indicus*, *P. vannemei*), ketam lumpur (*Scylla serrata*) dan belanak (*Mugil spp.*). Paling menarik, kawasan hutan paya bakau di Sungai Gelam Mas Besut juga merupakan tempat hidupan kunang-kunang. Umum mengetahui, kunang-kunang (*Photuris lucicrescens*) merupakan sejenis serangga yang sangat sensitif dengan keadaan persekitaran dan hanya memilih kawasan yang tidak tercemar untuk tinggal dan membiak. Menurut masyarakat tempatan juga, kawasan hutan paya bakau di tempat mereka turut menjadi tempat persinggahan pelbagai spesies burung yang berhijrah dari hemisfera selatan ke utara dan sebaliknya akibat daripada peredaran musim. Menyedari keunikan tersebut, masyarakat tempatan telah berusaha bagi memastikan hutan paya bakau di kawasan mereka kekal terpelihara agar khazanah alam ini tidak akan hilang akibat daripada kerakusan pembangunan.

Dalam memenuhi impian masyarakat tempatan, pihak FBIM telah menghantar pakar dalam bidang alam sekitar, Dr. Saiful Iskandar Khalit; biodiversiti tumbuhan, Dr. Khairil Mahmud; dan entomologi, Puan Norhayati Ngah untuk melakukan bancian flora dan fauna di hutan paya bakau tersebut. Hasil daripada bancian yang dijalankan, pakar-pakar daripada FBIM mendapati terdapat lebih sepuluh spesis tumbuhan yang telah dikenalpasti bertabur di sepanjang sungai Kg Gelam Mas, antaranya spesis bakau dari famili Rhizophoraceae dan Aviceniaceae. Selain itu terdapat juga spesis dari famili bukan bakau seperti Bignoniaceae, Malvaceae, Meliaceae, Sterculiaceae dan juga Anacardiaceae yang terdapat di sepanjang sungai dan pedalaman paya. Populasi kelip-kelip pula dilihat hadir pada spesis pokok api-api (*Avicennia alba*) pada malam hari.

Spesis-spesis pokok bakau ini sangat penting sebagai pemampuan terhadap hakisan laut dan mengekalkan keseimbangan ekosistem paya bakau. Kumpulan penyelidik ini yang diketuai oleh Dekan FBIM, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd telah mencadangkan kepada pihak UniSZA bagi menjalankan kajian yang lebih mendalam di kawasan tersebut. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah menilai kepelbagaian biologi di kawasan paya bakau ini. Sebagai nadi utama bagi penduduk yang mencari rezeki seperti udang, ketam dan ikan, kawasan paya bakau ini dilihat sebagai aset penting bagi penduduk dan negeri. Kajian ke atas kepelbagaian biologi yang akan dijalankan kelak akan menjadi garis panduan bagi urusan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan paya bakau ini daripada sebarang kerosakan dan kemusnahan pada masa akan datang. Hasil daripada kajian tersebut diyakini dapat membantu masyarakat setempat dalam usaha memelihara kelestarian hutan paya bakau di Sungai Bukit Keluang. Ia sekaligus akan membantu menunaikan hasrat masyarakat setempat dalam memastikan kekayaan ekosistem hutan paya bakau dapat diwariskan kepada generasi akan datang.



Perpustakaan UniSZA

Praktis Perkongsian Ilmu dan Kepakaran Bersama Warga SKKGB

Program khidmat masyarakat Perpustakaan UniSZA bersama Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak (SKKGB) yang diadakan pada 5 Mei di Pusat Sumber Sekolah (PSS) tersebut menunjukkan bahawa pentingnya amalan perkongsian ilmu dipraktikkan dalam usaha memastikan ilmu serta kepakaran berkaitan pengurusan perpustakaan dapat dimanfaatkan serta disebarluaskan ke segenap lapisan masyarakat.

Program yang melibatkan seramai enam staf Perpustakaan UniSZA termasuk dua orang pelajar latihan industri ini bukan sahaja dapat memberi impak yang positif kepada kedua-dua pihak, tetapi turut menggalakkan kerjasama yang lebih kukuh dan memartabatkan pengurusan ilmu dengan lebih efisien khususnya di sekolah.

Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah membangunkan sistem Automasi Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (APPS) dan digunakan oleh PSS SKKGB.

Usaha membantu komuniti ini turut disertai seramai 17 orang pelajar UniSZA. Antara pengisian yang dijalankan ialah percetakan dan penampalan spine label, penyusunan bahan, kemasukan data pelajar dan kerja-kerja mengecat bangunan. Para pelajar juga diberi pendedahan lebih mendalam mengenai pengurusan perpustakaan khususnya dalam pengorganisasian bahan-bahan rujukan di PSS.

Selain itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti ini akan mempromosikan UniSZA kepada masyarakat dalam menilai pelajar-pelajar UniSZA dari segenap aspek. Pelajar juga dapat menambah ilmu dan kemahiran mereka.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Hajah Rohani Othman; Guru Besar SKKGB, Puan Shumaisah Abd Ghani; dan Guru Perpustakaan Media SKKGB, Puan Khatijah Mohamad.



Program Go-Green

Bersama Komuniti di Pulau Kapas

Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah berjaya mengadakan program Go-Green bersama komuniti pulau pada 2 April bertempat di Pulau Kapas, Terengganu. Program berbentuk sukarelawan ini telah berjaya menaikkan nama FSSG dan UniSZA secara umum, dengan penglibatan komuniti pulau yang bersama-sama menjayakan program Go-Green.

Program Go-Green ini dimulakan dengan pembahagian peserta kepada dua kumpulan iaitu kumpulan air dan darat. Kumpulan air mengadakan aktiviti *snorkeling* sambil mengumpul sampah sarap di laut, sementara kumpulan darat membersihkan sampah di pantai, mengemas dan membersihkan surau.

Program ini juga telah berjaya membentuk semangat kerjasama sesama pelajar selain membentuk nilai kepimpinan dan tanggungjawab terhadap pembangunan kawasan pulau dan komuniti setempat. Kerjasama dan hubungan erat pelajar dengan komuniti pulau dapat dilihat daripada aktiviti yang dijalankan seperti membersihkan pantai, surau dan BBQ di pantai. Diharapkan program ini akan terus dapat dilaksanakan pada masa akan datang demi kebaikan bersama pelajar FSSG, UniSZA dan komuniti.



Projek Advokasi Komunikasi Kerja Sosial

Persatuan Mahasiswa Kerja Sosial (PMKS) telah menganjurkan program berbentuk khidmat komuniti di Kampung Kecil Chalok, Setiu, Terengganu pada 7 April. Program ini melibatkan seramai 152 orang peserta.

Melalui program ini, pelajar yang terlibat turut diberi peluang untuk belajar mengendalikan program yang bersifat komuniti di samping membina hubungan yang lebih erat antara mahasiswa dengan komuniti setempat. Inisiatif ini berjaya membentuk kerjasama dalam kumpulan dan wujudnya satu nilai atau sikap suka menolong tidak kira apa jua golongan dalam komuniti.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah gotong royong penanaman anak pokok di sekitar kawasan Kampung Bukit Kecil, ziarah kebajikan bersama komuniti, jamuan rakyat serta majlis doa selamat bersama komuniti.

Program ini wajar diteruskan lagi pada masa hadapan bagi menyuburkan semangat khidmat komuniti dalam kalangan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan.



Program Komuniti *Bantu Pelajar Pendidikan Khas*



Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA dengan kerjasama Fakulti Sains, UPM dan Sekolah Kebangsaan Alor Lintah, Besut telah menganjurkan program komuniti *Grateful and Giving 2018: Chapter Besut* pada 31 Mac-1 April di Sekolah Kebangsaan Alor Lintah, Besut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu Kawasan Jertih, Dato' Haji Muhammad Pahemi Yusof.

Secara definisi, *grateful* membawa erti bersyukur. Manakala *giving* bermaksud memberi. Konsep *grateful* dan *giving* dijadikan inspirasi untuk program ini kerana hanya insan yang bersyukur akan mampu untuk memberi tanpa syarat. Keistimewaan program pada kali ini adalah kerana melibatkan pelajar-pelajar aliran pendidikan khas (rendah dan menengah) di seluruh daerah Besut, Terengganu. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis kategori pelajar pendidikan khas yang terlibat antaranya pelajar bermasalah pembelajaran, sindrom down, autisme dan lain-lain.

Program ini dilaksanakan bagi mendekati komuniti sekitar kampus Besut dengan memberi sokongan moral kepada pelajar-pelajar pendidikan khas dan berkongsi ilmu terutama dalam bidang pertanian. Secara tidak langsung, program ini juga dapat menyuntik keyakinan diri dan mengurangkan rasa rendah diri dalam kalangan pelajar dan keluarga pelajar pendidikan khas. Selain itu, program ini juga

dapat menerapkan rasa kasih sayang, hormat dan tanggungjawab dalam kalangan warga FBIM kepada mereka.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong-royong bagi mewujudkan Taman Hortikultur yang merupakan salah satu kaedah terapi kepada pelajar pendidikan khas. Ia juga bertujuan untuk membantu menyediakan suasana pembelajaran yang lebih kondusif, ceria dan selesa kepada pelajar berkenaan. Tanaman yang ditanam terdiri daripada pokok-pokok bunga, pokok cili dan mangga yang merupakan hasil sumbangan daripada beberapa PTJ di UniSZA antaranya Pusat Pengurusan Ladang, Jabatan Pengurusan Pembangunan dan FBIM. Selain itu, beberapa kawasan di Taman Hortikultur dan dinding kelas turut dicat baharu bagi menceriakan suasana serta satu lukisan mural dinding hasil kreativiti mahasiswa UPM telah dihasilkan sebagai tanda kenang-kenangan dari pihak penganjur.

Ramadan Box 3

The month of Ramadan is a month with many blessings and countless privileges being bestowed to all Muslims. In this glorious month, every Muslim is called upon to make good deeds throughout the day besides performing prayers at night. Among the practices that are highly recommended in Islam is the practice of charity in which good deeds are promised rewards by Allah SWT. Thus, in conjunction with Ramadan, the Faculty of Economics and Management Sciences (FESP) once again organised its annual program, "Ramadan Box 3".

This project was held for the first time in Ramadan 2016/1436H. This project involves all members of the faculty where members collect and pack basic food necessities such as rice, cooking oil, flour, milk, and sugar to be donated to needy families. The needy families are the under privileged families that come from the low-income group, having a family member who is ill, disabled or widowers. Hence, in line with the main objective of Ramadan Box, faculty members have willingly and voluntarily helped in alleviating the financial burden of these needy families.

Ramadan Box 3 was officiated by the Dean of FESP, Associate Professor Dr. Wan Norhayate Wan Daud, on May 23, 2018 (7 Ramadan 1439H). The Ramadan Box 3 project lasted for 10 days where 226 packs of kitchen items were distributed to 226 families around Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Dungun and Marang. This project involved an expense of RM12,000/- and was fully sponsored by the Nadi Annissa Islamic Women Organization and the PKPS MRSM Kulim Pioneer Society. With great pride we can say that the Ramadan Box 3 project, a community service programme, was a huge success where this event FESP distributed food packs to many needy families. FESP is very proud of this achievement as it not only helps the less fortunate community but also fosters attentiveness and empathy among FESP lecturers and staff.



Program *Tangle of Love 2*

Program berbentuk khidmat masyarakat orang asli ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan Program Tangle of Love 1 yang dianjurkan oleh Persatuan Suka Bantu, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Melaka yang telah diadakan di Pos Buntu, Raub, Pahang pada Oktober 2017. Program ini merupakan platform bagi para pelajar antara UniSZA dengan UiTM, Melaka untuk berkhidmat kepada masyarakat di samping dapat membina keyakinan diri, dapat memahami gaya hidup dan segala berkaitan dengan masyarakat orang asli.

Penganjuran kali ini telah diadakan pada 30 Mac – 1 April di Kampung Semelor, Air Banun, Gerik, Perak. Kelab Reka Bentuk Perindustrian (IDeC), Fakulti Reka Bentuk Inovasi dan Teknologi (FRIT) UniSZA telah menjadi penganjur utama, di samping UiTM Melaka dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang turut dijemput menyertai program kemasyarakatan kali ini. Program ini merupakan hasil kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak, Jawatankuasa Rancangan Penempatan Semula (RPS) Air Banun, Tok-tok Batin RPS Banun, Sekolah Kebangsaan Banun dan KS Permata Enterprise.

Dengan penyertaan pelajar yang menggalakkan, iaitu seramai 20 orang wakil dari setiap universiti, pelbagai acara dan aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan melalui penglibatan bersama penduduk setempat. Aktiviti yang dijalankan antaranya, sukaneka kanak-kanak dan dewasa, tutor pelajar SK Banun, senamrobik serta mural. Setiap aktiviti yang dilakukan menunjukkan semangat waja para pelajar ketiga-tiga universiti ini demi menghiburkan penduduk setempat di samping mempelajari sesuatu yang baharu. Tambahan pula, terdapat juga aktiviti *Cultural Exchange* iaitu aktiviti yang melibatkan perkongsian budaya dengan penduduk orang asli di sini. Selain itu, aktiviti menjamu penduduk, pemberian sumbangan keperluan harian, dan gotong-royong merupakan antara perancangan dan pelaksanaan yang melibatkan kesepakatan dan kerjasama penuh setiap para pelajar.

Malahan, untuk menambah baik impak program ini, setiap wakil universiti cuba mengenengahkan idea inovatif dalam membantu ekonomi penduduk setempat. Antaranya seperti cadangan mengurangkan kehadiran gajah liar di kawasan pertanian yang menjadi sumber utama penghasilan pendapatan setempat. Cadangan ini masih diperhalusi dan akan dipanjangkan ke peringkat JAKOA Negeri bagi memastikan penduduk setempat dapat meningkatkan sumber ekonomi mereka.

Walaupun dalam jangka waktu yang singkat untuk melaksanakan aktiviti tersebut, ianya dapat melahirkan kesedaran dan sikap sukarelawan dalam diri pelajar untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat. Program seumpama ini dapat meningkatkan nilai tambah dalam diri graduan UniSZA untuk berdaya saing dalam dunia pekerjaan pada masa akan datang. Justeru, UniSZA akan terus dapat bekerjasama dengan pihak UiTM dan UMK bagi menganjurkan program seumpama ini pada masa akan datang.



Penerbit UniSZA

Timba Pengalaman Pemasaran Buku Bersama Penerbit UMK



Penerbit UniSZA telah mengadakan satu lawatan kerja ke Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 16 Mei. Kunjungan pertama kali ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama dan perkongsian maklumat antara Penerbit UniSZA dengan Penerbit UMK mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan pemasaran dan pengurusan penerbitan buku.

Tidak seperti Penerbit UniSZA, Penerbit UMK diletakkan di bawah pengurusan perpustakaan universiti berkenaan. Lawatan ini dimulakan dengan ucapan aluan Ketua Perpustakaan UMK, Encik Azman Hashim yang telah menerangkan tentang latar belakang

Perpustakaan UMK serta fungsi-fungsi setiap seksyen dan di selang-seli dengan sesi dialog bersama delegasi Penerbit UniSZA.

Delegasi Penerbit UniSZA turut dibawa melawat kedai buku Penerbit UMK bagi melihat dan memahami realiti pengurusan pemasaran di premis tersebut. Di sini dapat diperhatikan sistem pengurusan penjualan buku-buku, aktiviti promosi yang dijalankan dan kesan kepada penjualan buku terbitan UMK. Daripada pemerhatian, didapati bahawa Penerbit UMK mengamalkan sepenuhnya strategi pemasaran, produk, tempat dan promosi yang merupakan kekuatan Penerbit UMK dalam penjualan buku. Hal ini jelas satu pendekatan yang sesuai untuk diterapkan di Penerbit UniSZA.

Dengan garapan idea yang bernas serta hala tuju yang jelas terhasil daripada lawatan ini diharap akan membantu merealisasikan pelaksanaan pemasaran yang mampu mengoptimumkan hasil penerbitan serta memberi perubahan yang radikal untuk merencana hala tuju penerbitan yang lebih mantap dalam usaha mengembangkan penerbitan ilmiah di UniSZA.

Residential College Council's

Leadership Delegation to the North

A total of 45 members of the Residential College Council (MKK) visited the North of Malaysia for three days from 18th to 20th March 2018, to participate in the Residential College Council Leadership Delegation programme with Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) and Universiti Utara Malaysia (UUM).

The program's director who is also the President of the Residential College Council UniSZA, Mohd Aswan Mohd Amin said that the objective of this programme was to generate knowledge and bring new benefits to the members of MKK in sharing ideas and opinions with the chosen universities' residential college organisations. The visit also aimed to encourage MKK members to be more skilful in organising programmes either for the sake of knowledge, welfare, volunteerism or for society at large.

In terms of welfare and safety, discussion took place on the use of two key locks for each room. This is to prevent theft, by which the hostel's management team would lock the door of rooms during the semester break. Together with the hostel's Felo, Rokiah Zainuddin as the liaison officer, UniMAP was the first destination visited, on 19th March before moving to the UUM in the evening. USM was the last university to be visited on the last day of the trip to continue the session of generating and sharing ideas as had been done on the previous days.

The visit developed higher thinking skills among the MKK members to generate ideas and new thoughts in endeavouring to take care of students' welfare, especially among those who are staying at the college hostel.



3rd Triathlon Kampus Besut 2018



UniSZA Juara Bola Tampar MAKSAK 2018



Kejohanan Liga Futsal Antara Fakulti Piala TNC HEPA



Festival Catur Putrajaya



Kejohanan Regatta Kayak Sprint Kebangsaan





CREATING AND ENHANCING SERVICE ORGANIZATIONS: ISSUES AND RESEARCH AGENDA IN MALAYSIA

PENYUNTING: Mazuri Abd Ghani, Bahyah Abdul Halim & Rashidah Mohd Ibrahim
ISBN: 978-967-0899-34-3 | **HARGA:** RM33.00 | **TAHUN:** 2016

This book describes briefly the issues and research agendas in service organizations in Malaysia. To survive in the dynamic and competitive service environment, there is an ultimate necessity for services players to build a competitive edge and enhance their services. This book is divided into four parts and contains eight chapters. The first part focuses on the hotel industry, followed by the education and government services, business services and transport and logistics. The content of this book is comprised of research studies by lecturers at the Faculty of Economics, Accountancy and Management Sciences at Sultan Zainal Abidin University (UniSZA). The chapters are based on empirical studies in Malaysia conducted by our lecturers. Among the issues and research agendas are market orientation, brand orientation, brand performance, relationship marketing, emotional intelligence and commitment, organizational citizenship behaviour, job satisfaction, occupational safety and health, consulting services, work-family conflict and issues and challenges in halal logistic management. As a whole, all the issues and research agendas discussed in this book can provide informative literature to students, graduate students, academicians, researchers as well as managers in the related industry.




AL-QADAYA AL-FIQHIYYAH AL-MU'ASARAH

PENULIS: Basri Ibrahim

ISBN: 978-983-9842-45-6 | **HARGA:** RM30.00 | **TAHUN:** 2016


Buku ini membicarakan tentang fiqh semasa daripada pelbagai aspek kehidupan. Fiqh semasa bukanlah satu ilmu yang baharu dan bukan satu ilmu yang terpisah daripada fiqh yang pernah dikenali oleh orang-orang Islam generasi terdahulu, bahkan merupakan ilmu yang membahaskan segala isu yang berkaitan dengan urusan kehidupan, yang ada hubungan dengan hukum syarak yang berbentuk amali termasuk fiqh kemasayarakatan dan politik. Cabang-cabang fiqh ini banyak muncul di dunia dewasa ini, kerana ia bergerak selari dengan tuntutan perkembangan kehidupan semasa. Kita mula mendengar tentang fiqh perubatan, fiqh pengaduan dan lain-lain. Dalam lapangan pengkaedahan dan dakwah, muncul di zaman ini fiqh maqasid syariah. Objektif utama penulisan buku ini adalah untuk menjelaskan tentang konsep sebenar fiqh semasa, sandaran dan garis panduan yang perlu diikuti oleh ulama mujtahid ketika mengkaji berbagai-bagai isu fiqh semasa dan sifat-sifat yang perlu menghiiasi diri setiap faqih sebelum membicarakan tentang isu-isu fiqh semasa. Ia juga bertujuan menghuraikan tentang kepentingan ijtihad jama'i dalam fiqh semasa, pembentangan berkaitan dengan hukum hakam, garis panduan, skop dan syarat-syarat yang perlu diraikan ketika menyelesaikan beberapa isu fiqh semasa terpilih dalam lapangan perubatan semasa, yang banyak menarik perhatian masyarakat dewasa ini dan sentiasa menarik perhatian mereka, yang wajib diketahui oleh setiap orang Islam yang ingin memahami agama dan menekuninya dengan cara yang baik.



EXPLORING THE MEASUREMENT OF MAQASID SHARIAH QUALITY OF LIFE

PENULIS: Mahadzirah Mohamad, Nizaita Omar, Nor Azman Mat Ali, Zainudin Awang
ISBN: 978-967-0899-49-7 | **HARGA:** RM33.00 | **TAHUN:** 2016

Maqasid Shariah consists of five aspects of life; protection of religion, life, mind, wealth, and lineage. These five aspects have important roles in ensuring human life towards wellness and a better quality of life in this world and the hereafter. The challenge faced by most researchers and policy makers in measuring an individual's quality of life based on the five aspects of Maqasid Shariah is that there are no precise and trustworthy instruments to measure all five aspects. Therefore, this book proposes the items of measurements that are constructed based on the Holy Quran and Hadith, for the purpose of measuring all five aspects of Maqasid Shariah above. The usage of the Holy Quran and Hadith as the source for constructing the items of measurement is based on the guidance from Prophet Muhammad s.a.w., narrated by Abu Hurairah r.a.: "I have left two matters with you. As long as you hold to them, you will not go to the wrong way. They are the Book of Allah and the Sunnah of His Prophet."




QUICK REFERENCE TO DIETETIC PRACTICE

PENULIS: Aryati Ahmad, Noor Aini Mohd Yusoff, Karimah Fakhriah Ismail, Nur Ain Fatinah Abu Bakar

ISBN: 978-967-0899-86-2 | **HARGA:** RM80.00 | **TAHUN:** 2018

Medical nutrition therapy is the most important component in dietetic practice. The whole process involves accurate nutritional assessments, nutrition diagnosis, appropriate nutrition intervention and continuous monitoring and evaluation for patients. Failure to identify nutritional problem and initiate intervention at early stage will result in malnutrition and complications of diseases that ultimately will prolong hospital stay and reduce quality of life of a patient. An updated and relevant reference is required in order to assess and plan for prompt nutrition therapy for patients. Therefore, this handbook is produced to assist the healthcare professionals such as dietitians, nutritionists, medical officers, nurses, dietetic or medical interns and other personnel in their patient dietary management either in ward, clinical or community setting.




RUMAH MELAYU TRADISIONAL NEGERI KELANTAN

PENULIS: Abdullah Sani Kamaluddin, Mohd Hisham Omar, Imran Abdullah

ISBN: 978-967-0899-88-6 | **HARGA:** RM96.00 | **TAHUN:** 2018

Rumah tradisional Melayu Kelantan yang satu ketika dulu mempunyai kedudukan yang boleh dibanggakan kerana mempunyai reka bentuk struktur yang menarik, kreatif dan kukuh kini berada dalam situasi yang hampir pupus. Kedatangan pengaruh reka bentuk seni yang moden ke negeri ini telah memburukkan lagi keadaan sehingga tiada lagi tukang-tukang rumah Melayu mendapat tempahan untuk membina rumah-rumah tradisional. Situasi ini menyebabkan kepupusan reka bentuk rumah Melayu tradisional, khazanah yang tidak ternilai bagi negeri Kelantan. Generasi akan datang tidak akan lagi dapat melihat dan mengetahui kehebatan seni bina rumah tradisional yang dibina oleh generasi terdahulu. Buku ini menghimpun dan mendokumentasikan 20 buah rumah Melayu tradisional Kelantan untuk rujukan semua. Istimewanya, rumah-rumah tersebut dilukis kembali menggunakan cat air. Buku ini sesuai untuk dijadikan rujukan bagi mereka yang berminat dengan reka bentuk rumah tradisional Melayu.



RISALAH FI BAYAN HUKM AL-BAY WA AL-RIBA: KONSEP MASLAHAH DAN URUF

PENULIS: Hasanulddin Mohd, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali

ISBN: 978-967-0899-90-9 | **HARGA:** RM51.00 | **TAHUN:** 2018


Ulama Melayu silam sering dikaitkan dengan kejujuran, kelesuan dan ketaksuban terhadap pandangan tertentu. Kitab-kitab penulisan mereka dikatakan didominasi oleh roh taklid dan tidak memberikan sumbangan kepada korpus keilmuan. Karya-karya ulama Melayu silam dianggap tidak serius serta membawa pemikiran yang malap dan pudar. Malah, mazhab Imam al-Shafi'i yang menjadi pegangan kebanyakan ulama tempatan turut dipandang sinis oleh sesetengah pihak yang beranggapan bahawa pendekatannya lebih meraikan nas zahir semata-mata. Sehubungan itu, kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay wa al-Riba* karangan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas merupakan antara contoh manuskrip sastera kitab ulama Melayu silam yang sesuai untuk diteliti dalam mencari sebahagian jawapan terhadap persoalan dan permasalahan yang ditimbulkan. Penelitian yang dijalankan ini khususnya dari aspek memahami konsep masalah dan uruf serta pendekatan yang digunakan oleh pengarang dalam membincangkan hukum syarak dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bab muamalat seperti jual-beli, riba, mudarabah dan lain-lain. Penulisan buku ini mengetengahkan biodata ringkas Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, latar belakang masyarakat pada zaman beliau, konsep masalah dan uruf dalam Islam dan seterusnya pendekatan pengarang dalam menangani isu masalah dan uruf terutamanya yang melibatkan masyarakat setempat pada zaman tersebut. Pemikiran yang dikemukakan oleh pengarang mampu membawa pembaca memahami sesetengah budaya yang berlaku pada zaman beliau dan seterusnya boleh membandingkannya dengan keadaan yang berlaku pada masa ini. Buku ini sesuai ditelaah oleh golongan ilmuwan, pengkaji, pendidik, pendakwah, penuntut dan mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang ilmuwan dan ulama silam serta ilmu pengetahuan dan keintelektualan mereka.



LAILAHAILLAALLAH: MANUAL AMALAN SUFI TOK KU PALOH

PENULIS: Norhashimah Yahya, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Mohd Shahril Othman
ISBN: 978-967-0899-91-6 | **HARGA:** RM47.00 | **TAHUN:** 2018

Kajian manuskrip jawi ulama Nusantara merupakan satu kajian yang penting dan masih lagi kurang diberi tumpuan oleh para pengkaji terutamanya dalam aspek amalan kesufian tokoh sufi di Malaysia. Sedangkan, peninggalan hasil nukilan tokoh ulama sufi terdahulu mengandungi mutiara ilmu dan pelbagai amalan baik untuk diamalkan oleh generasi masa kini. Buku ini memaparkan perbincangan berkaitan konsep amalan tahlil yang merupakan salah satu amalan kesufian yang penting diketengahkan oleh tokoh sufi Nusantara kurun ke-19, iaitu Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Muhammad Zayn al-Aydarus atau lebih masyhur dengan panggilan Tok Ku Paloh, menerusi karya tunggal peninggalan beliau bertajuk *Ma'arij al-Lahfan Li al-Taraqqi Ila Haqaiq al-'Irfan*. Buku ini wajar dimiliki oleh semua pengamal dan pencinta kesufian kerana konsep amalan tahlil yang dikemukakan oleh Tok Ku Paloh dalam karya beliau merupakan suatu amalan yang mempunyai kaedah dan tatacara tersendiri, khusus diamalkan oleh para pengamal tarekat kesufian yang diistilahkan juga dalam kalangan mereka sebagai *dhikr al-nafy wa al-ithbat*. Buku ini juga wajar dibaca oleh semua lapisan masyarakat untuk mengenali siapakah tokoh ulama sufi Melayu pada suatu ketika dahulu yang berwibawa mendidik serta membimbing masyarakat Melayu bagi mengukuhkan nilai mentauhidkan Allah dalam kehidupan mereka menerusi penyebaran amalan tahlil yang diamalkan beliau. Akhirnya, amalan tahlil ala Tok Ku Paloh menjadi satu amalan yang masih utuh kekal dilaksanakan dalam masyarakat kontemporari Malaysia sebagai salah satu wasilah dalam mencapai makrifat Allah.



AL-SIRAT AL-MUSTAQIM: KITAB AL-TAHARAH DAN AL-SALAH

PENULIS: Jamalluddin Hashim, Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin

ISBN: 978-967-0899-65-7 | **HARGA:** RM175.00 | **TAHUN:** 2018

Al-Sirat al-Mustaqim karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri merupakan kitab fiqh yang paling lengkap dan terbesar dalam bab ibadat dalam bahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara. Kitab yang berwibawa ini mempunyai pengaruh yang amat besar serta digunakan dengan meluas sekali terutama di Aceh sehingga abad ke-19. Kitab ini juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan di seluruh Gugusan Kepulauan Melayu. Walaupun kitab ini hanya membicarakan tentang fiqh ibadat sahaja, namun ia merupakan perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu. Shaykh Nur al-Din al-Raniri merupakan seorang tokoh ulama kelahiran India berketurunan Arab. Tetapi umum mengenali beliau sebagai seorang ulama Melayu-Indonesia yang terkenal di seluruh Nusantara ini terutamanya di Aceh. Penstrukturan semula kitab *Al-Sirat al-Mustaqim (Kitab al-Taharah dan al-Salah)* telah berjaya dilakukan menurut tatacara tahqiq dengan mengikuti metode gabungan naskhah. *Al-Sirat al-Mustaqim* merupakan sebuah karya agung dalam bidang fiqh Mazhab Shafi'i berbahasa Melayu yang sewajarnya disebarluaskan untuk bacaan umum setelah teks kitab ini dipermudahkan melalui tatacara tahqiq. Ini merupakan salah satu cara untuk memelihara khazanah penulisan Melayu Islam warisan ulama-ulama silam daripada pupus ditelan zaman. Buku ini wajar dimiliki oleh semua terutamanya peminat dan pengkaji kitab-kitab Jawi Melayu Klasik. Ini kerana persembahan edisi kritikal teks *Al-Sirat al-Mustaqim (Kitab al-Taharah dan al-Salah)* dalam buku ini adalah berlainan daripada metode penulisan kitab-kitab jawi Melayu Klasik yang biasa dilihat.



RTC TARIKAN DI PINGGIR KUALA

PENULIS: Ibrahim Mamat, Norsuhaily Abu Bakar, Wan Musa Wan Muda

ISBN: 978-967-0899-89-3 | **HARGA:** RM50.00 | **TAHUN:** 2018

Tujuan utama Program Transformasi Luar Bandar (RTP) ialah untuk memberi kesedaran kepada kepada komuniti tentang operasi Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre (RTC)*. Buku ini menerangkan profil sosioekonomi dan aspek seperti ekonomi, sosial, teknologi dan pendidikan dalam pembangunan komuniti luar bandar Terengganu. RTC berupaya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan swasta kepada penduduk sekitar. Melalui buku ini, diterangkan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di bawah program tersebut yang diterajui oleh pelbagai Kementerian di samping kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti penduduk setempat dan NGO.